

PEMULIHARAAN WARISAN MENERUSI MEDIA BAHARU: KAJIAN  
KE ATAS PEMPENGARUH MEDIA SOSIAL

NURFAIDATUL BINTI MOHD ARIFIN

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN  
2024



FYP FTKW

**PEMULIHARAAN WARISAN MENERUSI MEDIA BAHARU:  
KAJIAN KE ATAS PEMPENGARUH MEDIA SOSIAL**

Oleh

**NURFAIDATUL BINTI MOHD ARIFIN (C20A1308)**

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan dengan Kepujian

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
2024

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>BAB 1</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.6.1 Individu	6
1.6.2 Masyarakat	6
1.6.3 Institusi	7
1.7 Definisi Operasional	7
1.7.1 Pempengaruh/ <i>Influencer</i>	7
1.7.2 Media Baharu	8
1.7.3 Pemuliharaan Warisan	8
1.8 Organisasi Kajian	9
1.8.1 Bab Satu	9
1.8.2 Bab Dua	9
1.8.3 Bab Tiga	10
1.9 Kesimpulan	10

**BAB 2**

<b>2.1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>11</b>	
	<b>2.1.1</b>	<b>Pemuliharaan Warisan</b>	<b>11</b>
	<b>2.1.2</b>	<b>Media Baharu</b>	<b>14</b>
	<b>2.1.3</b>	<b>Pempengaruh</b>	<b>16</b>
	<b>2.1.4</b>	<b>Media Sosial</b>	<b>17</b>
<b>2.2</b>	<b>Kerangka Teorikal</b>	<b>18</b>	
<b>2.3</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>24</b>	

**BAB 3**

<b>3.1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>25</b>	
<b>3.2</b>	<b>Reka Bentuk Kajian</b>	<b>25</b>	
	<b>3.2.1</b>	<b>Kaedah Kualitatif</b>	<b>26</b>
<b>3.3</b>	<b>Teknik pengumpulan data</b>	<b>26</b>	
	<b>3.3.1</b>	<b>Data Primer</b>	<b>26</b>
	<b>3.3.2</b>	<b>Data Sekunder</b>	<b>28</b>
<b>3.4</b>	<b>Proses Kajian</b>	<b>29</b>	
<b>3.5</b>	<b>Persampelan Kajian</b>	<b>30</b>	
<b>3.6</b>	<b>Instrumen Kajian</b>	<b>31</b>	
<b>3.7</b>	<b>Analisis Data</b>	<b>33</b>	
<b>3.8</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>36</b>	

**BAB 4**

<b>4.1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>28</b>
<b>4.2</b>	<b>Pemuliharaan warisan melalui media baharu dalam media sosial</b>	<b>29</b>
	<b>    4.2.1 Media Baharu</b>	<b>30</b>
	<b>    4.2.2 Media Sosial</b>	<b>32</b>
<b>4.3</b>	<b>Analisis dapatan temubual</b>	<b>43</b>
	<b>    4.3.1 <i>Influencer</i> atau Pempengaruh</b>	<b>43</b>
	<b>    4.3.2 Ciri-ciri pempengaruh</b>	<b>49</b>
	<b>    4.3.3 Cabaran pempengaruh bagi memulihara warisan</b>	<b>51</b>
	<b>    4.3.4 Langkah pempengaruh dalam memulihara warisan</b>	<b>52</b>
	<b>        4.3.4.1 Daya penciptaan kandungan</b>	<b>54</b>
	<b>        4.3.5 Kerjasama dengan pelbagai pihak</b>	<b>55</b>
	<b>            4.3.5.1 Pihak berkuasa tempatan</b>	<b>55</b>
	<b>            4.3.5.2 Kerjasama dengan pempengaruh Luar Negara</b>	<b>56</b>
	<b>        4.3.6 Anugerah Khas</b>	<b>57</b>
	<b>        4.3.7 Kerangka Teori</b>	<b>58</b>
<b>4.4</b>	<b>Cadangan pemuliharaan warisan</b>	<b>64</b>
<b>4.5</b>	<b>Pengiktirafan</b>	<b>68</b>

**BAB 5**

<b>5.1</b>	<b>Perbincangan</b>	<b>69</b>
<b>5.2</b>	<b>Cadangan daripada hasil kajian</b>	<b>71</b>
	<b>5.2.1 Cadangan kepada pengkaji akan datang</b>	<b>71</b>
	<b>5.2.2 Cadangan promosi menerusi Media Massa</b>	<b>71</b>
	<b>5.2.3 Cadangan kepada institusi Pendidikan</b>	<b>72</b>
<b>5.3</b>	<b>Rumusan</b>	<b>72</b>
	<b>Rujukan</b>	<b>74</b>
	<b>Lampiran A</b>	<b>76</b>
	<b>Lampiran B</b>	<b>78</b>
	<b>Lampiran C</b>	<b>104</b>

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan izin dan rahmat-Nya, saya dapat menyiapkan projek penyelidikan ini dengan sempurna. Pertama sekali, saya dedikasikan penghargaan ini kepada Dr.Daeng Haliza binti Daeng Jamal iaitu selaku penyelia saya dalam menyempurnakan projek penyelidikan ini kerana telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, kritikan-kritikan yang membina dan perbincangan yang amat bermakna diberikan sepanjang tempoh menyiapkan kajian dan proses penulisan projek penyelidikan ini.

Seterusnya, tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada ibu saya dan ahli keluarga yang banyak memberi sokongan moral dan kata-kata semangat sepanjang menyiapkan projek penyelidikan ini serta membantu saya dari segi kewangan dalam menampung perbelanjaan saya semasa menyiapkan tugas ini.

Akhir kalam, saya ucapkan terima kasih kepada kawan-kawan saya dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menghulurkan bantuan, bimbingan dan kerjasama kepada saya sehingga kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Sekian, Terima Kasih.

## ABSTRAK

Pemuliharaan warisan dikatakan adalah sebuah proses pengekalan aset warisan dalam menjaga nilainya supaya tidak ditelan zaman. Pendekatan penggunaan media baharu sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi telah pun membuka ruang kepada para pempengaruh atau *influencer* media sosial dalam membantu mengembangkan warisan yang terdapat di Terengganu. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti bentuk-bentuk media baharu yang dapat digunakan untuk memartabatkan warisan, membincangkan peranan pempengaruh dalam memulihara warisan dan menghuraikan cadangan pemuliharaan warisan yang perlu dilaksanakan oleh pempengaruh menerusi penggunaan media baharu. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif dimana merangkumi temu bual, gambar dan rakaman audio. Teori Komunikasi Massa oleh Mc Quail telah digunakan dalam membincangkan mengenai peranan pempengaruh media sosial dalam memulihara warisan melalui aspek media baharu. Hasil kajian mendapati bahawa pempengaruh telah berjaya memainkan peranan dalam membantu masyarakat dan generasi kini dalam memulihara warisan dengan bantuan media baharu seperti TikTok, Facebook, dan Instagram. Selain itu, penglibatan pempengaruh dan pelbagai pihak juga dapat menaikkan warisan kita ke peringkat yang lebih tinggi. Jelaslah bahawa, pempengaruh dan media baharu merupakan perkaitan yang sangat sempurna untuk memulihara warisan kita supaya tidak ditelan zaman.

**Kata kunci:** Pemuliharaan warisan, Media Baharu, Pempengaruh, Media Sosial, Teori Komunikasi Massa oleh Denis Mc Quail

## ABSTRACT

Heritage conservation is said to be a process of preserving heritage assets in keeping their value so as not to be swallowed up by time. The approach of using new media in line with the development of science and technology has opened up space for social media influencers to help develop the Heritage found in Terengganu. This study also aims to identify new forms of media that can be used to promote heritage, discuss the role of influencers in conserving heritage and describe heritage conservation recommendations that need to be implemented by influencers using new media. The study method used is a qualitative method which includes interviews, photographs, and audio recordings. MC Quail's Theory of Mass Communication has been used in discussing the role of social media influencers in conserving heritage through aspects of new media. Instagram Facebookers have successfully played a role in helping the community and the current generation in conserving heritage with the help of new media such as TikTok, Facebook, and Instagram. In addition, the involvement of influencers and various parties can also elevate our heritage to a higher level. Clearly, influencers and new media are a perfect link to preserve our heritage from being swallowed up by the times.

**Keywords:** Heritage Conservation, New Media, Influencers, social media, Mass Communication Theory by Denis Mc Quail

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Jabatan Warisan Negara (JWN) mentakrifkan warisan sebagai sesuatu yang diturunkan dari generasi ke satu generasi. Hal ini telah menggambarkan memori kepada kesemua kehidupan sesebuah bangsa yang melambangkan ketamadunanya. Warisan atau khazanah bangsa perlu dilindungi dan dipelihara supaya generasi akan datang memahami dan menilai kepentingan warisan. Namun begitu masyarakat pada hari ini didapati kurang menghargai dan menyedari akan kepentingan warisan budaya bangsanya (Firmansyah & Fadlilah, 2016). Oleh itu, jika perkara ini tidak dibendung pasti akan menyebabkan warisan diancam kepupusan.

Antara langkah melindungi warisan dari kepupusan adalah melalui pendekatan penggunaan media baharu seajar dengan perkembangan sains dan teknologi. Media baharu merupakan alat atau instrumen yang sangat penting untuk menyampaikan maklumat dan membina tanggapan orang ramai (Berita Harian, 2015). Hal ini akan memberi impak kepada masyarakat sedikit sebanyak mengenai pemuliharaan warisan di negara kita dengan cara yang pantas dan cekap (Natasha Edreena Mohamad Nasruddin & Zuliskandar Ramli ,2020). Media baharu memainkan peranan besar dalam kehidupan masyarakat kini kerana keunggulan media baharu ni mendapat perhatian masyarakat global. Kini masyarakat dunia telah dilambakkan dengan media sosial terutama melalui aplikasi *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *TikTok*. Maka dengan itu wujudnya golongan yang digelar sebagai pempengaruh (*influencer*) yang memuat naik kandungan serta berkongsi pelbagai maklumat. Istilah pempengaruh adalah seseorang individu yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi orang lain dalam bidang digital menerusi kuasa, ilmu pengetahuan, kedudukan atau hubungannya dengan pengguna di alam maya. Kemahiran pempengaruh dapat membantu negara kita daripada kepupusan warisan kerana tanggungjawab pempengaruh terhadap warisan ini dapat menjadi pencetus kepada pemuliharaan warisan (Buletin JendelaDBP, 2021).

## 1.2 Permasalahan kajian

Permasalahan kajian bermaksud cara pemikiran dalam kaedah saintifik terhadap sesuatu penyelidikan yang berawal dari tahap kesukaran, perasan inkuiiri, dan fakta yang bercanggah. Keterangan ini telah memberi perubahan yang besar kepada seisi dunia. (John Dewey,1910) Manakala, menurut Creswell (2005) permasalahan kajian dikaitkan dengan isu kontrovesi atau tahap keperihatinan yang ingin dikaji.

Media baharu adalah salah satu bentuk penyampaian yang memberangsangkan terhadap sesuatu maklumat serta kecekapannya yang tidak dapat dinafikan. Media baharu didefinisikan sebagai wacana penyampaian maklumat dalam bentuk baharu dan memberi peluang kepada pengguna untuk bebas mengkritik dan menyampaikan pandangan secara langsung (Nursyahida Zulkifli et al., 2021). Selain itu, kemunculan teknologi komunikasi baharu ini dapat memberi pendidikan secara terus kepada khalayak umum. Penggunaan media baharu juga merupakan salah satu alternatif komunikasi pada masa kini. Oleh itu, pemuliharaan warisan menerusi media baharu merupakan salah satu idea yang perlu diketengahkan supaya warisan sesebuah bangsa dimartabatkan di persada global. Pempengaruh atau *influencer* adalah seorang individu yang mempengaruhi dan pengikut atau peminatnya menerusi kuasa, ilmu pengetahuan,kedudukan atau hubungannya dengan pengguna (Buletin JendelaDBP, 2021). Bilangan influencer di Malaysia semakin meningkat. Walaubagaimanapun, didapati isi kandungan yang disampaikan oleh pempengaruh ini kebanyakkan kurang menumpukan pada aspek-aspek warisan. Pempengaruh cenderung mencipta kandungan seperti pengulas makanan, resepi, produk dan pemasaran (Berita Harian,2022). Oleh itu, perkara ini dilihat boleh menjelaskan perkembangan warisan yang perlu bersaing dengan teknologi pada masa kini seperti permainan digital dan pengaruh budaya luar (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar GhadDaffi Hanafiah,2015).

### 1.3 Persoalan kajian

Persoalan kajian bagi penyelidikan ini adalah:

- i. Apakah bentuk-bentuk media baharu yang dapat digunakan untuk memartabatkan warisan?
- ii. Bagaimanakah pempengaruh memainkan peranan dalam pememuliharaan warisan?
- iii. Apakah cadangan pemuliharaan warisan yang perlu dilaksanakan oleh pempengaruh menerusi penggunaan media baharu?

### 1.4 Objektif kajian

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai objektif kajiannya tersendiri. Begitu juga dengan pengkaji yang telah menetapkan tiga objektif agar kajian yang dilakukan tercapai:

- i. Mengenalpasti bentuk-bentuk media baharu yang dapat digunakan untuk memartabatkan warisan.
- ii. Membincangkan peranan pempengaruh dalam memulihara warisan.
- iii. Menghuraikan cadangan pemuliharaan warisan yang perlu dilaksanakan oleh pempengaruh menerusi penggunaan media baharu.

## 1.5 Skop Kajian

Terdapat pelbagai platform dalam media baharu seperti media sosial, blog dan forum. Namun kajian ini menumpukan kepada 4 bentuk media baharu iaitu Instagram, Twitter, Facebook dan TikTok. Hal ini kerana, pempengaruh memainkan peranan penting dalam perantaraan terhadap sesebuah masyarakat.



**Peta 1: Negeri Terengganu**

Sumber: Google

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian penyelidikan dijalankan keatas tajuk ini supaya dapat memberi kepentingan yang sewajarnya kepada pelbagai pihak seperti individu, masyarakat, institusi dan negara. Oleh itu, pengkaji berharap dengan kajian ini dapatlah membantu pengkaji akan datang dalam menjalankan kajian mengenai pemuliharaan warisan menerusi media baharu dan kajian keatas pempengaruh media sosial supaya dapat mengelakkan daripada kepupusan serta dapat membantu semua kelompok, khususnya golongan muda di Malaysia.

### 1.6.1 Individu

Pempengaruh ini dapat memberi maklumat dan pendedahan mengenai warisan di Terengganu. Hal ini telah menimbulkan minat kepada pengkaji mengenai seni warisan yang jarang diketahui oleh setiap individu dari segi pemahaman dan bentuk-bentuknya melalui peranan media sosial. Kesan daripada pengaksesan media sosial mereka dapat input yang hendak disampaikan oleh pempengaruh dari semasa ke

semasa kerana media sosial merupakan medium yang mudah dicapai dan maklumat hanya didapati dihujung jari.

### **1.6.2 Masyarakat**

Masyarakat dapat menilai sendiri keunikkan seni warisan dan dapat menghargainya sebagai salah satu khazanah yang diturunkan kepada mereka serta dapat mengekalkan identiti masyarakat di negeri tersebut. Selain itu, seni warisan dapat menjana pendapatan yang lumayan jika diusahakan dengan sebaiknya dan membantu juga anak muda dalam pencarian kerja serta tidak menganggur seperti pejuangan yang telah diangkat oleh pihak pempengaruh. Usaha ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada pengetahuan sejagat mengenai seni warisan yang berada disekelilingnya dan dapat dipertontonkan kepada generasi akan datang.

### **1.6.3 Institusi**

Pihak Universiti dapat memberi informasi kepada pelajar mengenai seni warisan dan memberi manfaat kepada pengkaji seterusnya untuk mengkaji dengan lebih mendalam. Seterusnya, kepentingan kepada negara adalah dapat meningkatkan ekonomi negara kerana setiap golongan memainkan peranan penting dalam memartabatkan seni warisan yang diperjuangkan oleh pempengaruh tersebut. Golongan muda akan berminat dengan menghasilkan pelbagai seni tradisi masyarakat di Terengganu sehingga dapat menarik tumpuan negara luar untuk membeli barang tersebut dengan kualiti yang terbaik.

## 1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini mengemukakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi ini membantu pengkaji dalam memahami setiap istilah yang dibincangkan dan mengelak daripada menyalahi apa yang sepatutnya dipegang semasa menjalankan kajian ini.

### 1.7.1 Pempengaruh /*Influencer*

Influencer dapat membantu mengembangkan penampilan sosial yang memberi manfaat bagi memperluaskan jaringan sosial remaja serta mampu menginspirasi para remaja (Asrini Mahdia,2018). Menurut beliau, *influencer* juga ahli dalam membuat kandungan atau *content* yang menarik dan bagus dalam mengedit hasil kandungannya sehingga dapat dinikmati oleh pengguna media sosial. Dengan demikian, pengkaji memilih peranan pempengaruh dalam pemuliharaan warisan

### 1.7.2 Media Baharu

Media baru ini adalah sebuah pendekatan bagi golongan muda untuk mengetahui tentang sejarah pada masa lampau. Hal ini kerana, golongan muda hampir tidak mengetahui mengenai warisan yang telah diperjuangkan oleh nenek moyang kita pada zaman dahulu kala (Saiful Hilmi Aliff Sazali et al, 2014). Media baharu diaplikasikan bagi menerangkan kemunculan jaringan teknologi informasi dan komunikasi. Hal ini, ditafsirkan sebagai media baharu adalah digital, bersifat jaringan, padat, mampat, interaktif dan tidak memihak (Siti Noor Amyah Khasbullah, 2019). Oleh itu, pengkaji melihat kebolehfungsian medium media baharu sebagai capaian untuk menyebarkan warisan melalui kaedah pemuliharaan.

### 1.7.3 Pemuliharaan warisan

Pemuliharaan warisan merupakan perkara penting dalam mengekalkan warisan dan pembelajaran bagi generasi muda. Menurut Syed Zainol Abidin (2015) Pemuliharaan adalah sebagai salah satu proses penjagaan dan pengawasan sesebuah warisan daripada dimusnahkan serta pengekalan keadaan asal sesebuah warisan bagi melangsungkan

kepentingan kebudayaan. Hal ini berkaitan dengan kajian pengkaji yang ingin memartabatkan warisan melalui pempengaruh.

Selain itu, Persidangan Warisan Dunia UNESCO (1972) dengan tegas telah menyatakan bahawa “Warisan budaya dan alam semula jadi semakin terancam oleh kemusnahan, bukan sahaja disebabkan kerosakan secara tradisional, tetapi juga oleh sebab perubahan keadaan sosial dan ekonomi. Kemusnahan atau kehilangan budaya atau alam semula jadi ini akan mengakibatkan kepupusan warisan bagi semua bangsa di dunia”.

## **1.8 Organisasi Kajian**

Organisasi kajian merupakan pembahagian kajian yang bertujuan untuk memastikan penyelidikan tersusun, sistematik, dan berjalan lancar untuk melengkapkan penyelidikan.

### **1.8.1 Bab Satu**

Bab ini merupakan bahagian pendahuluan dalam penyelidikan yang merangkumi pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi operasional dan organisasi kajian dan kesimpulan bagi bab satu.

### **1.8.2 Bab Dua**

Bab ini merangkumi mengenai kajian literatur dari pelbagai sumber sebagai rujukan kepada penyelidik. Kajian literatur yang dirujuk adalah hampir sinonim dengan tajuk kajian penyelidik yang meliputi pemuliharaan warisan, pempengaruh dan media massa serta persoalan-persoalan mengenai media massa kini dan kesimpulan yang merangkumi keseluruhan kajian dalam bab ini.

### **1.8.3 Bab Tiga**

Bab ini meliputi metodologi kajian yang diaplikasikan oleh penyelidik sepanjang proses menjayakan penyelidikan. Dengan demikian, metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif untuk

mengenal pasti, menganalisis dan mengumpul data dalam proses penyelidikan. Selain itu, penyelidik akan menggunakan kaedah temubual berstruktur kepada pihak informan atau pempengaruh yang terpilih untuk tujuan mengumpul data dan kaedah analisis tematik dan analisis kandungan digunakan bagi mengumpul maklumat dan akan disahkan oleh pihak mereka.

### 1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan tentang pemuliharaan warisan menerusi media baharu dan kajian ke atas pempengaruh media sosial yang dilihat peranan mereka dalam memulihara warisan. Pempengaruh dikatakan kurang membuat kandungan atau *content* mengenai warisan dibandingkan dengan kandungan lain. Maka, penyelidik berusaha untuk mengkaji dengan mengumpul dan menganalisis kajian dari pelbagai sumber untuk memenuhi keperluan kepada semua pihak pada masa akan datang khususnya kepada penyelidik baru. Pelbagai persoalan dan objektif kajian akan dikaji dan dicapai secara intelektual oleh penyelidik dengan merujuk kepada beberapa kajian literatur, tesis, dan rujukan ilmiah. Oleh itu, penyelidik berharap akan mampu untuk menjalankan penyelidikan dengan telus dan bijaksana bagi mencapai objektif kajian.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Penulisan ini, akan mengenalpasti beberapa elemen yang terdiri daripada kajian-kajian lepas atau soroton kajian dan teori mengenai kajian yang dijalankan. Dalam penulisan bab dua ini Kajian Literatur atau dalam Bahasa Inggeris adalah *Literatur Review*. Berdasarkan kepada perkara *Review* iaitu perkataan *Review* menunjukkan kepada maksud membuat secara semula dan *View* membawa maksud kepada memberi ketelitian kembali secara ilmiah terhadap kajian penyelidikan atau tulisan-tulisan tahun kebelakang yang amat berkaitan dengan bidang yang ingin dikaji. Mengapa kajian lepas ini penting? Hal ini kerana, kajian lepas merupakan ‘guru’ pembimbing kepada pengkaji untuk melakukan kajiannya. Kajian literatur ini diperoleh dari bahan-bahan yang merupakan sumber maklumat untuk pengkaji mengukuhkan, membina, dan menyokong setiap kajiannya.

##### 2.1.1 Pemuliharaan warisan

Berdasarkan kajian lepas yang bertajuk Pembangunan Warisan di Malaysia: Tinjauan Umum tentang Dasar menyatakan bahawa Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengusulkan pindaan rang undang-undang mengenai pemuliharaan warisan. Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005), warisan budaya dibahagikan kepada dua iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Akta ini dinyatakan telah melindungi dan mengekalkan warisan itu daripada menjadi pemilikkan pihak lain.

Menurut Syed Zainol (1995), pemuliharaan bukan hanya tertumpu kepada penjagaan terhadap bangunan-bangunan tertentu secara spesifik dan khusus malah penjagaan warisan termasuklah segala kualiti yang membentuk sesuatu rupa bandar itu. Oleh itu, jika warisan ini dilenyapkan maka hilanglah kesinambungan nilai budaya dan tradisi warisan negara tersebut. Intinya, Terengganu adalah sebuah negeri warisan yang mempunyai pelbagai warisan ketara dan tidak ketara. Hal

ini disokong oleh Habibah Ahmad et al. (2011) yang menyatakan bahawa di Pantai Timur, Negeri Terengganu khususnya tidak dapat disangkalkan lagi bahawa negeri ini merupakan kawasan yang kaya dengan produk warisan dan budaya tempatan yang masih lagi bertahan dan menarik untuk dikunjungi. Susulan dari penyataan ini, beliau juga mengatakan bahawa terdapat banyak lagi tempat warisan sejarah yang masih belum diperkenalkan kepada umum dan ada yang terbiar using begitu sahaja serta terdapat produk yang hampir ditelan kepupusan (Habibah Ahmad et al., 2011). Oleh itu, peranan pempengaruuh amat mempengaruhi orang umum supaya lebih memilih untuk memulihara hak-hak warisan yang terdapat disekelilingnya dan menghargai warisan yang diperjuangkan oleh nenek moyang.

Menurut Tunbridge dan Ashworth (1996) mengemukakan pendapat mengenai terma warisan telah digunakan dalam pelbagai konteks dan iaanya digunakan bagi merujuk kepada objek-objek dari masa lampau atau tempat peninggalan tanpa struktur fizikal kekal yang dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa silam. Hal ini juga dinyatakan bahawa warisan juga digunakan bagi merujuk elemen-elemen bukan fizikal masa silam seperti produktiviti kebudayaan dan artistik. Penglibatan masyarakat dilihat sebagai satu pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up approach*) dalam usaha pemuliharaan warisan. Tujuannya adalah untuk memastikan pemuliharaan warisan penduduk setempat dapat memberi implikasi positif kepada komuniti dengan meningkatkan pencapaian kawasan tersebut.

Pemuliharaan warisan kesenian dan kebudayaan telah menjadi amalan sesebuah masyarakat yang wujud di Malaysia merupakan sebahagian daripada proses pemantapan jati diri bangsa Malaysia yang terkenal dengan kepelbagaiannya (Mohd Fadzil Razali, et al, 2014). UNESCO (2009) pemuliharaan warisan budaya adalah merujuk kepada cara-cara yang diambil bagi memanjangkan jangka hayat warisan dalam memberi intipati yang penting bagi kelangsungannya. Selain itu, pemuliharaan warisan ini juga dikatakan sebagai tindakan atau proses yang bertujuan bagi melindungi elemen warisan supaya

dapat mengekalkan nilai warisannya dalam jangka masa yang lama (Heritage Meaford, 2023). Pemuliharaan juga didefinisikan sebagai sebuah proses pengekalan dan pengurusan perubahan bagi asset warisan dengan mengekalkan nilai kepentingannya (Historic England, 2008). Menurut Marta De La Tore (2013) pemuliharaan warisan merupakan perubahan enjin dalam memastikan semua tempat yang mempunyai nilai patut dilindungi dan dipelihara. Dengan demikian, pihak berkepentingan juga perlulah memainkan peranan dalam melindungi dan memastikan nilai kepentingan tempat tersebut dijamin. Beliau menyatakan bahawa pemuliharaan merangkumi tindakan yang direka bagi mengekalkan kepentingan objek atau tapak warisan yang dianggap mempunyai nilai budaya.

Negeri Terengganu juga kaya dengan warisan yang menciptakan budaya dan personaliti tersendiri. Hal ini dikatakan Terengganu juga masih mengekalkan kesabtian gaya hidup yang menunjukkan seni keasliannya, budaya dan warisan, maka kelestarian warisan di Terengganu masih lagi mempersona (Beautiful Terengganu Malaysia, 2020). Choay (2001) menjelaskan bahawa warisan tidak lagi dianggap dalam bentuk objek yang statik dengan makna tetap namun warisan ini melalui sebuah proses sosial di mana sesuatu warisan yang dimiliki oleh manusia itu mempunyai memori terhadapnya.

### **2.1.2 Media Baharu**

Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Hamzah (2010) dalam kajian bertajuk media sosial: tinjauan terhadap laman jaringan sosial dalam talian tempatan menyatakan bahawa media ini juga merupakan sebuah alat komunikasi yang berpengaruh dan bentuk penggunaan internet telah berubah dan banyak boleh dilakukan dengan menggunakan media baharu. Hal ini telah disokong oleh Levinson (2009) yang telah menggelarkan media baharu sebagai “*new media*” atau yang lebih baharu dan ini telah menunjukkan perbezaan yang ketara dengan media baharu klasik seperti e-mel dan laman web. Beliau juga ada menyatakan bahawa media ini bukan hanya alat untuk kemudahan pengedaran,

pengarkiban dan berasaskan teks, tetapi kini media baharu telah bertukar konsep yang telah berupaya untuk menyampaikan kandungan media dan menyediakan kemudahan interaksi antara pengguna dan penulis.

Manakala dalam buku Media baharu dan Komunikasi ada menyatakan mengenai *portmanteau* iaitu istilah “*new media*” (Lister et.al., 2009) dan hal ini telah disokong oleh (Gane & Beer, 2008) iaitu dengan perbahasan penulis dengan “*the idea of new media is contested*” yang bermaksud gagasan mengenai media “baru”. Disamping itu, penyalahgunaan media sosial untuk meraih populariti merupakan salah satu masalah yang berlaku dalam kalangan pempengaruh. Di dunia media sosial mereka mempunyai tanggungjawab yang besar kerana mempunyai jutaan pengikut dan ada yang menjadikan mereka sebagai sumber inspirasi. Terdapat isu mengenai pempengaruh yang cuba untuk meraih populariti dengan menghasilkan *content* atau kandungan yang berunsurkan luahan secara ekstrem dan ini telah mencemarkan nama seorang watak pempengaruh (Kuzi Ana,2015).

Media baharu juga dapat dimaksudkan sebagai suatu teknologi yang berinformasi dan berkomunikasi tanpa batasan serta bersifat jaringan, padat, tepat, interaktif dan tidak memihak. Selain itu, media baharu juga adalah sebuah wacana penyampaian maklumat dengan cara yang lebih moden serta mudah difahami dan ditulis melalui penyampai maklumat yang bebas (Norazleen Mohd. Nor, 2011). Kehadiran media baharu juga memberi kesan perubahan yang drastic kepada teknologi kini (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar GhadDaffi Hanafiah, 2015). Penggunaan media baharu yang mudah dikendali dan senang untuk mendapatkan maklumat-maklumat dari seluruh dunia (Che Su Binti Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim, (2014).

### 2.1.3 Pempengaruh

Menurut Pepitone (2010) perkembangan media sosial yang menunjukkan kecekapan dalam mencapai matlamat bagi menyampaikan maklumat kepada semua pengguna walau dimana mereka berada. Menurut Nazra Aliff (2021) kemunculan platform media sosial seperti

*YouTube, Facebook, Instagram* dan *TikTok* telah mewujudkan golongan *content creator* ataupun pempengaruh sebagai menghasilkan isi kandungan seperti tutorial, resepi masakan, solekan dan drama pendek. Oleh itu, individu tersebut telah meraih ratusan ribu malah jutaan pengikut dalam media sosial yang banyak memberikan impak kepada masyarakat. Menurut Eldik et al, (2019) mereka ini mempunyai kemampuan dalam membina identiti kepada para pengikut dan dalam era media sosial boleh dikatakan *influencer* ini bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Pempengaruh media sosial ini didefinisikan sebagai individu yang mencipta reputasi berdasarkan pemahaman dan kepakaran mereka terhadap topik tertentu serta mereka telah melakukan posting bagi meraih pengikut yang ramai. Mereka sering digelarkan sebagai *innovator* iaitu orang yang membawa pembaharuan kepada masyarakat dengan pembentukkan rangakaian media sosial yang menjadi pengantara bagi pempengaruh.

Werner Geyser (2023) menjelaskan pempengaruh ialah seseorang yang membina reputasi bagi pengetahuan dan kepakaran mereka mengenai sesuatu topik tertentu serta mereka membina kandungan atau *content* yang tetap mengikut saluran media sosial yang ditetapkan oleh mereka dengan menjana pengikut yang ramai. Selain itu, pempengaruh juga mempunyai kemahiran komunikasi yang hebat dalam menarik perhatian pengikutnya dan mereka ini telah diiktiraf oleh sejumlah pengikut di laman sosial sebagai pakar dalam bidang mereka.

Prof Dr Ahmad ZamzuriMohamad Ali (2022), menjelaskan bahawa pempengaruh adalah personality media sosial yang boleh terjadi kepada sesiapa sahaja dan mempunyai jumlah pengikut yang ramai. Kekreatifan dalam pembuatan *content* secara ilmiah,tulen dan unik serta mempunyai kepercayaan yang tinggi bagi membina keyakinan para pengikut. Mereka mempunyai peranan yang besar dalam menjadikan pempengaruh yang diangkat sebagai idola kepada para pengikut di laman maya. Oleh itu, setiap kandungan yang diutarakan haruslah mempunyai nilai-nilai yang selaras dengan keharmonian negara maka wujudlah interaksi sosial antara pempengaruh dan masyarakat.

#### 2.1.4 Media Sosial

Berdasarkan kajian kes Media Sosial dan Impak kepada Perkembangan Menurut Islam menyatakan bahawa media sosial ini semakin hari semakin menarik perhatian masyarakat berbanding media cetak mahupun penyiaran televisyen dan radio (Ab Halim & Muslaimi, 2018). Menerusi pendekatan ini golongan yang disasar akan merasa lebih bermakna dan ilmu yang diperoleh itu membawa makna dalam diri (Jalal Ismail & Ghani, 2018).

Cahyono (2016) menyatakan media sosial adalah salah satu rangkaian komunikasi yang mencakupi jaringan sosial atas talian (*online*) yang dapat menghubungkan pengguna-pengguna media sosial dari serata dunia. Andreas Kaplan dan Michael Haenlein menjelaskan bahawa media sosial adalah sebuah kelompok yang muncul dari aplikasi-aplikasi di internet yang membangkitkan ideologi dan teknologi dalam web 2.0 yang menjadikan seseorang membuat kandungan dan perisian yang saling bertukar antara pengguna (Carr & Hayes, 2015).

#### 2.2 Kerangka Teorikal

Komunikasi Massa diistilahkan dalam bahasa inggeris *mass communication* atau disingkatkan dari *mass media communication* (komunikasi media massa). Komunikasi media Massa merupakan suatu proses yang berpusat melalui produksi media dan meyebarluaskan maklumat kepada khalayak umum secara meluas. Khalayak umum itu disifatkan seperti anonim, sebar dan heterogen. Maklumat yang disampaikan kepada masyarakat dapat diterima oleh khalayak umum secara serentak (Ardianto Erdinaya. 2004). Media massa mengutarakan isi kandungannya melalui pelbagai sudut pandang yang memiliki pengaruh bagi *audience* atau para penonton. Hal ini telah menjadi pendebatan antara para ilmuwan sosial yang mendapati bahawa media massa memiliki potensi yang sangat luas dalam menciptakan dan mendorong dalam perubahan sosial dan budaya manakala sejumlah besar yang lain lebih bersikap kepada pesimistik akan media massa. Perkara ini terjadi disebabkan oleh perbezaan cara pandang dan titik reaksi pada masalah

ini. Oleh itu, hubungan antara kandungan media dan *audience* telah mencetuskan teori komunikasi massa yang digunakan oleh penyelidik bagi mengkaji pemuliharaan warisan menerusi media baharu yang melibatkan pimpinan media sosial.

Denis Mc Quail (2011) juga mengatakan bahawa komunikasi massa bukanlah seorang manusia tetapi sebuah organisasi formal dan komunikasi massa ini telah menciptakan pengaruh yang meluas sehingga dapat disebarluaskan secara serentak dalam waktu yang singkat. Teori komunikasi massa ini juga sering dikaitkan dengan ilmu pengetahuan sosial dimana media dan komunikasi massa bersumber daripada pemerhatian yang sistematis dan dapat mencapai sesuatu objektif (Dennis Mc Quail, 1987). Selain itu, teori komunikasi massa ini berkenaan atur cara yang seharusnya diberi penekanan bagi menerapkan nilai sosial dan pembentukan institusi media. Hal ini kerana, media merupakan suatu peranan yang besar dalam mempengaruhi khalayak. Menurut beliau lagi, teori ini juga menyebabkan perkembangan mempengaruhi dalam menuntun media massa tentang penyebaran prinsip-prinsip ilmu pengetahuan dan cara pencapaian itu mestilah mengikut sasaran. Teori ini juga dapat menekankan aspek timbal balik antara organisasi dan kekuasaan sosial dimana isi kandungan media menjadikan *content* tersebut penting bagi masyarakat massa (Dennis Mc Quail, 1987). Walaubagaimanapun, media massa dikatakan semakin berkembang dan efisien dan mengutarakan maklumat. Dalam erti kata lain, media massa merupakan perangsang yang berguna dalam perkembangan teknologi baru dan media massa dapat memberikan perkerjaan kepada masyarakat. Oleh itu, media massa mempunyai fungsinya yang tersendiri iaitu sumber maklumat supaya masyarakat umum dapat menerima berita, perihal seni dan keadaan yang berkaitan dengan dunia. Sebagai contoh, media massa juga dapat membentuk identiti sosial dalam meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai warisan negri Terengganu melalui media massa dan perkara ini akan membangkitkan sesebuah masyarakat yang mempunyai identiti.

Intergrasi sosial dan interaksi sosial merupakan pengetahuan yang diperoleh oleh orang lain dalam membantu perhubungan sosial seperti pempengaruh yang dapat menyampaikan kandungan atau *content* dengan cepat dan hal ini dapat merubah pemahaman sosial akan warisan.

McQuail menyatakan dalam Teori Komunikasi Massa (2002) adalah perspektif yang menghubungkan antara media dan masyarakat. Hal ini dikatakan bahawa, media massa ini berkembang dalam lingkungan masyarakat dengan menggunakan *event* atau isu-isu sebagai *content* atau kandungan untuk kegunaan masyarakat. Oleh itu, McQuail menjelaskan dalam teori ini berkenaan hubungkait media dan masyarakat melalui empat perspektif. Antaranya, perspektif media budaya yang menghubungkan anggota masyarakat dan contoh budaya serta mendalamai makna subjektif dari pengalaman bagi mendalamai sesuatu konteks tertentu. Melalui penyelidikan kajian yang bertajuk pemuliharaan warisan menerusi media baharu dan kajian keatas pempengaruh media sosial yang mana peranan pempengaruh dalam menonjolkan pengalaman mengenai skop warisannya dalam konteks yang dipertontonkan seperti penggunaan dialek atau loghat sesebuah daerah dalam menyampaikan maklumat. Selain menyampaikannya dalam masa yang sama pempengaruh juga telah memartabatkan seni bahasa yang digunakan sehari-hari untuk menampakkan keunikan dalam pembuatan *content* atau kandungan.


Selain itu, perspektif media material yang menekankan pembentukan *content* dan memberikan kesan pada karakteristik media yang berkaitan dengan teknologi,sosial dan dinamik bagi menentukan hubungan sosial dari penerimaan media baharu. Sebagai contoh karakteristik dari segi pembuatan video,gambar statik dan vlog. Hal ini bukan sahaja dapat menarik perhatian *audiens* malah cara penyampaian dari perspektif ini lebih efektif kerana manusia lebih cenderung untuk menggunakan pancaindera mata untuk melihat kandungan yang disampaikan secara visual daripada melakukan pembacaan terhadap

sesuatu perkara. Hal ini kerana sebarang aktiviti yang berkaitan dengan memerhati, kotak pemikiran akan menerima dan disimpan bagi pemprosesan maklumat (Stenberg, 2003). Oleh itu, cara ini akan memudahkan pempengaruh dalam menyampaikan maklumat mengenai warisan.

Disamping itu, perspektif sosiobudaya iaitu meletakkan media dan pengalaman media dalam mempengaruhi masyarakat. Hal ini kerana, pengaruh media memberikan impak pada masyarakat dengan sokongan daripada pempengaruh. Sebagai contoh, pempengaruh menerangkan mengenai latar belakang budaya Terengganu kepada khalayak dengan penggunaan media sosial yang dimiliki olehnya. Hal ini, peranan pempengaruh amat penting dalam pemuliharaan warisan Terengganu kepada masyarakat. Seterusnya, perspektif dari sudut sosial material iaitu suatu pandangan yang kritis terhadap pemilikan dan pengawalan media yang akan membentuk kepada sebuah ideologi dominan melalui media yang disiarkan. Dengan demikian, pempengaruh telah mencipta sebuah ideologi bagi menanam sifat menghormati budaya dan warisan yang terdapat dalam negeri Terengganu melalui penghasilan *content* yang dipaparkan pada media sosial. Oleh itu, masyarakat negeri Terengganu akan merasa bangga dengan warisan-warisan yang ada dalam negeri mereka dan hal ini akan melahirkan sebuah masyarakat yang menjaga kelestarian warisan.

Impak kepada empat perspektif Teori Komunikasi Massa oleh McQuail (2002) terhadap pemuliharaan warisan adalah pendidikan warisan melalui media sosial menerusi pempengaruh dapat dipertingkatkan disebabkan oleh penggunaan media baharu secara meluas dan institusi budaya akan lebih terjaga oleh kerana media memainkan peranan dalam menyebarkan nilai-nilai budaya secara cepat dan mudah. Seterusnya, intergrasi dan interaksi sosial dalam menyampaikan kandungan kepada masyarakat mengenai warisan dengan lebih efektif serta dapat memperluaskan dasar norma bersama dengan meningkatkan intergrasi bagi memelihara warisan antara masyarakat, pempengaruh dan media baharu. Hubungan ini telah mewujudkan kesempurnaan kepada masyarakat dan media.

**Rajah 1:** Kerangka Teori Komunikasi Massa McQuail, 2002



### 2.3 Kesimpulan

Tuntasnya, kajian-kajian lepas telah banyak membincangkan perihal pemuliharaan warisan, media baharu, pempengaruh dan media sosial

akan tetapi pengkaji lepas tidak menyentuh mengenai pemuliharaan warisan menerusi media baharu dalam skop peranan pempengaruh di media sosial. Hal ini, dapat membuka mata pengkaji untuk membuat kajian kali ini dengan memberi penekanan lebih terhadap pempengaruh dalam memulihara warisan. Oleh itu, wajarlah sekiranya pengkaji membuat penambahbaikan rujukan untuk kegunaan pengkaji lain pada masa hadapan agar kajian yang dibuat ini tidak sama dengan kajian-kajian yang lepas. Bukan itu sahaja, pengkaji juga menggunakan satu kerangka teoritikal dengan menggunakan Teori Komunikasi Massa yang menggambarkan keseluruhan kajian ini dan dapat membantu dalam menyumbangkan maklumat dan data kepada pengkaji. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji bagi menganalisis data dengan tepat agar kajian ini siap dengan sempurna.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi kajian amat penting dalam sesuatu penyelidikan supaya kajian tersebut dapat dijalankan dengan kaedah yang sesuai. Menurut Hornby (1985) berpandangan bahawa metodologi merupakan sistem yang digunakan bagi penyelidikkan ke atas subjek tertentu. Hal ini, bertujuan untuk membantu pengkaji memahami dengan skop yang lebih luas dan terperinci tentang kaedah membuat huraian mengenai proses kajian tersebut (Kenali, 2013). Metodologi berfungsi bagi membantu pengkaji dalam pemahaman kajian yang bertajuk “Pemuliharaan warisan menerusi media baharu: Kajian ke atas pempengaruh media sosial”. Oleh itu didalam bahagian ini akan dijelaskan mengenai reka bentuk kajian, kaedah kajian dan prosedur dalam menganalisis data yang dikaji oleh pengkaji bagi memastikan bukti yang diperolehi kukuh serta membantu pengkaji bagi memahami kajianya dengan lebih luas. Setiap proses akan diaplikasikan melalui penulisan ini dengan lebih terperinci.

### 3.2 Reka bentuk Kajian

Menurut Kerlinger (2017), reka bentuk kajian adalah salah satu tatacara pengolahan data yang dikutip melalui perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian. Hal ini juga merujuk kepada cara pengendalian proses atau teknik pengkaji untuk menjawab persoalan-persoalan kajian. Tujuannya adalah bagi memastikan kajian yang dilakukan tidak mengganggu dapatan kajian (McMilan & Schumacher, 1984). Oleh itu, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif untuk menyediakan jawapan serta menghuraikan objektif dan persoalan bagi kajian ini.

#### 3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kajian berkaitan dengan kajian kualitatif adalah menguraikan persoalan bukan hipotesis dalam kajian. Kaedah ini sering digunakan untuk menjawab pelbagai jenis persoalan dalam sesebuah kajian. Penglibatan penaakulan induktif bagi pemahaman sesuatu situasi tertentu termasuk kisah lampau dan pengalaman seseorang (Trochim2006). Menurut Taylor dan Bogdan (1984) data kualitatif berbentuk deskriptif, dan kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati

Menurut Azwarin Awang (2015) kaedah kualitatif adalah satu kaedah kajian penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji bagi mengajukan soalan-soalan dalam bentuk subjektif. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual bagi memperoleh data-data menerusi tajuk kajiannya.

### 3.3 Teknik pengumpulan data

Kajian ini akan menggunakan dua teknik dalam pengumpulan data iaitu terdiri daripada data primer dan sekunder.

#### 3.3.1 Data Primer

Menurut Yusof (2003) data primer ialah data mentah atau sumber asli bagi menjawab persoalan-persoalan kajian. Bagi mengumpul data dalam kajian ini pengkaji memilih kaedah melalui temu bual. Pengkaji menemu bual 6 orang informan

dalam kalangan pempengaruh. Teknik pengumpulan data primer kajian ini menggunakan set borang temu bual. Secara umumnya, kajian ini lebih praktikal digunakan kerana jawapan yang diberikan oleh informan lebih tepat. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah temu bual bagi kajiannya yang bertajuk pemuliharaan warisan menerusi media baharu: kajian ke atas pempengaruh media sosial.

#### a. Temu bual

Menurut Fadzdila (2016) temu bual adalah penglibatan penyelidik dengan beberapa orang informen bagi mendapatkan maklumat yang relevan. Ia dimaksudkan dengan tujuan pengesahan data atau maklumat yang diperolehi (Rozmi Ismail, 2015). Oleh itu, pengkaji telah memilih 6 orang informan yang terdiri daripada golongan pempengaruh di Terengganu. Selain itu, temu bual dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu, temu bual berstruktur, Temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur (Fadz dila, 2016). Temu bual yang dipilih oleh pengkaji adalah temu bual berstruktur yang mana informen memberikan jawapan berdasarkan soalan-soalan yang diajukan oleh pengkaji. Tujuan temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai pemuliharaan warisan menerusi temu bual melalui pempengaruh media sosial. Kandungan temu bual ini dicatat supaya setiap data yang diperolehi tidak tercicir. Temu bual melibatkan penyelidik dengan 6 orang informen yang terdiri daripada golongan pempengaruh seperti Azwarin, Naa Chikna, Nas Suha, Amir Ghazali, Munir, dan Azwarin Ahmed di Terengganu.

#### 3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder adalah bahan untuk dirujuk sebagai contoh buku dari pustaka, artikel, jurnal dan sebagainya. Jelaslah bahawa, maklumat yang diperolehi oleh pengkaji lepas dapat membantu penyelidik dalam mencari maklumat kajiannya dengan lebih

efektif dan menyelesaikan masalah yang timbul pada masa sekarang. Selain itu, dalam mendapatkan data sekunder ini pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan.

#### a. Kajian kepustakaan

Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan adalah kaedah yang digunakan oleh seseorang pengkaji atau penulis bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Kaedah ini membolehkan teknik pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong daptatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji. Kebolehfgunsian kaedah ini adalah bagi memberikan gambaran awal dan hala tuju kajian pengkaji.

Pengkaji membuat kajian kepustakaan untuk mendapatkan gambaran dan maklumat yang jelas mengenai konsep kajian iaitu pemuliharaan warisan menerusi media baharu, kajian ke atas pimpengaruh media sosial bagi menyokong tajuk kajian yang boleh dijadikan sumber rujukan.

Hal ini, pengkaji memperoleh maklumat berkenaan dengan kosa ilmu melalui buku-buku, latihan ilmiah, tesis, laporan, serta turut memanfaatkan kemudahan jurnal atas talian yang dibekalkan dalam sistem atas talian oleh pihak universiti dan sebagainya. Bagi mengumpul data, pengkaji juga telah mengunjungi perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan dan Perpustakaan Negeri Terengganu. Selain itu, pengkaji juga telah melayari laman web rasmi kerajaan, carian sumber-sumber digital bagi artikel, jurnal dan laporan yang berkaitan. Hal ini, pengkaji akan didedahkan dengan pelbagai analisis kajian lepas bagi membantunya dalam penghasilan penulisan tesis yang bertajuk pemuliharaan warisan menerusi media baru: kajian ke atas pimpengaruh media sosial.

### 3.4 Proses Kajian

Mc.Milan dan Schumacher (1977), menjelaskan bahawa penyelidikan merupakan satu proses sistematik dalam mengumpul dan menganalisis data atau maklumat untuk tujuan-tujuan tertentu. Bagi memberi gambaran mudah kajian yang dijalankan, penjelasan mengenai kaedah kajian yang dilaksanakan dalam penyelidikan ini dirumaskan secara ringkas melalui rajah proses aliran kajian.



**Rajah 3.1: Proses Kajian**

Sumber: Kajian Lapangan, 2023.

### 3.5 Persampelan Kajian

Syed Arabi Idid (1992) menyatakan persampelan merupakan satu usaha yang dijalankan oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat daripada sampel yang dapat mewakili keseluruhan populasi.". Persampelan ini melibatkan penyelidikan terhadap sampel kajian bagi mewakili keseluruhan populasi kajian. Menurut Gordon F. Fielding (1974) dalam bukunya Geography as Social Science, beliau menyatakan bahawa; "*The unbiased selection of the test population is called sampling.*" Kaedah ini biasa digunakan oleh penyelidik tidak kira sains tulen atau sains sosial dalam penyelidikan mereka. Persampelan ini merangkumi 6 orang informan iaitu pimpengaruh yang banyak mencipta kandungan berunsurkan warisan seperti Azwarin, Naa Chikna, Nas Suha, Amir Ghazali, Munir, dan Azwarin Ahmed bagi mengkaji kajian ini. Teknik

persampelan yang digunakan oleh pengkaji ialah teknik persampelan bukan kebarangkalian. Hal ini kerana persampelan bukan kebarangkalian lebih tertumpu kepada satu populasi iaitu pempengaruh media sosial dalam konteks warisan. Oleh itu, penggunaan persampelan bola salji atau *snowball sampling* membolehkan pengkaji mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pemuliharaan warisan ke atas pempengaruh. Hal ini kerana, pengkaji akan meminta informan untuk mencadangkan beberapa orang lagi informan dalam kalangan pempengaruh melalui beberapa ciri-ciri yang dikehendaki. Kaedah persampelan ini sangat sesuai digunakan memandang informan ialah seorang pempengaruh atau *influencer*.

### 3.6 Instrumen Kajian

Menurut Noraini Idris (2010), semua penyelidikan melibatkan pungutan data dan data itu merujuk kepada maklumat yang diperoleh penyelidik tentang subjek penyelidikan atau kajian. Instrumen kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh penyelidik ketika menjalankan sesuatu penyelidikan. Instrumen kajian digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti mana yang dikendaki oleh penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Kaedah yang digunakan untuk mendapat maklumat adalah dengan menemu bual pempengaruh seramai 6 orang. Oleh itu, instrumen kajian dapat membantu pengkaji sepanjang kajian ini berlangsung.

#### 3.6.1 Buku Catatan

Buku catatan telah dipilih semasa pengkaji menjalankan temu bual. Buku catatan amatlah penting bagi memudahkan pengkaji menyusun data-data yang diperolehi daripada sesi temu bual agar tidak berlakunya keciciran maklumat.

#### 3.6.2 Perakam Suara

Perakam suara merupakan alat yang digunakan untuk merekod serta menyimpan suara hasil daripada temu bual. Alat ini amat penting untuk membuktikan sumber dapatan kajian yang asli daripada temubual.

Rakaman suara perlu dilakukan dengan jelas bagi mengelakkan sebarang masalah

### **3.6.3 Set soalan temu bual**

Set soalan temu bual ini digunakan bagi mendapatkan maklumat bagi menjawab objektif-objektif kajian. Set soalan temu bual adalah temu bual berstruktur dimana soalan-soalan akan diajukan berdasarkan bentuk soalan yang dibina. Set ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu A, B, dan C. Bahagian A merujuk kepada objektif pertama iaitu bentuk-bentuk media baharu yang dapat memartabatkan warisan, bahagian B pula adalah objektif kedua yang merujuk kepada peranan pempengaruh dalam memulihara warisan dan bahagian C pula merujuk kepada objektif ketiga iaitu cadangan-cadangan pemuliharaan warisan yang perlu dilaksanakan oleh pempengaruh menerusi penggunaan media sosial.

## **3.7 Analisis Data**

Menurut Firdilla Kurnia (2023) analisis data membawa maksud proses pengolahan data dengan tujuan mengetahui informasi yang berguna bagi menyelesaikan masalah. Menurut Bogdan (2022), analisis data adalah proses untuk mencari dan menyusun data secara sistematik. Proses menganalisis data mentah memerlukan ketelitian bagi memenuhi hasil dapatan yang sah. Oleh itu, dalam kajian ini terdapat satu kaedah yang digunakan bagi menganalisis data iaitu kaedah kualitatif. Kaedah ini digunakan bagi memudahkan proses penganalisisan data dilaksanakan.

Kaedah analisis data merupakan proses menghuraikan dan merumuskan maklumat ke dalam kandungan kajian. Bagi menyiapkan kajian ini pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu analisis tematik dan analisis kandungan. Kepelbagai sumber yang diperolehi dari buku-buku,jurnal,artikel, surat khabar dan sebagainya dirujuk bagi mendapatkan sumber maklumat yang sah.

### **3.7.1 Analisis Tematik untuk temu bual**

Menurut Braun & Clarke (2006) analisis tematik merupakan salah satu cara menganalisa data dengan tujuan untuk mengenalpasti pola bagi

menemukan tema melalui pengumpulan data oleh pengkaji. Hal ini merupakan metode yang sangat efektif apabila sebuah penelitian dilakukan bagi mengaitkan pola-pola dan menjelaskan sejauhmanakah fenomena itu dibuat melalui lensa pengkaji (Fereday & Muir-Cochrane, 2006).

Menurut Holloway & Todres (2003), terdapat beberapa langkah untuk menggunakan kaedah analisis tematik, seperti berikut:

- i. Memahami data
- ii. Menyusun Kod
- iii. Mencari tema
- iv. Menentukan tema tentatif
- v. Memperhalusi kategori tema
- vi. Menghasilkan laporan

Oleh itu, analisis tematik dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan pemuliharaan warisan melalui pimpengaruh media sosial menerusi media baharu bagi memudahkan data secara terperinci.

### **3.7.2 Analisis kandungan**

Pendekatan analisis kandungan berkembang sejak awal 50-an daripada bidang sastera, sains sosial, dan seterusnya ke berbagai bidang lain (Krippendorff, 2004). Menurut Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006) telah mendefinisikan analisis kandungan sebagai teknik kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah dari teks bagi sesebuah konteks yang diperlukan. Kaedah ini memerlukan bacaan yang mendalam terhadap bahan teks secara relatif dan melibatkan interpretasi teks. Kaedah penyelidikan ini merupakan satu kajian bagi pengumpulan maklumat dengan merujuk dokumen yang mempunyai perkataan atau konsep dalam teks atau set teks terhadap kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Antara jenis dokumen yang dirujuk oleh pengkaji adalah jurnal, artikel, akhbar, tesis kajian lepas dan bahan ilmiah yang lain serta data temu bual berkaitan dengan pemuliharaan warisan menerusi media baharu: kajian ke atas pimpengaruh media sosial.

Walhal itu, analisis kandungan ini digunakan bagi mengenalpasti tema, konsep dan makna dalam dapatan kajian yang diperolehi dari data sekunder dan data temu bual mengenai pemuliharaan warisan menerusi media baharu dalam kalangan pempengaruh. Dalam pada itu, analisis ini mengaplikasikan sistem pengkodan bagi menjawab objektif pada kajian ini. Kategori pengkodan ini berfungsi sebaik sahaja pengumpulan data dilaksanakan kepada para pempengaruh yang ditemu bual bagi kajian pengkaji. Kaedah ini akan berlaku secara berterusan dan makna dalam kategori-kategori akan diperhalusi bagi menggambarkan keadaan yang berlaku didalam kajian. Seterusnya pengkaji akan mengkaji dapatan kajian berdasarkan bukti-bukti yang diperolehi sama ada bukti tersebut menyokong atau tidak menyokong kajian ini. Oleh itu, analisis kandungan ini amat penting bagi menjana kepelbagaiannya bukti yang sahih atau tidak.

### **3.8 Kesimpulan**

Secara keseluruhan, menerusi kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual. Hal ini kerana, kaedah ini sangat berguna dalam memudahkan proses kajian lapangan. Pengkaji juga akan mendapatkan data sekunder menerusi perpustakaan dan laman bagi mendapatkan bahan bukti yang lebih kukuh serta info yang lebih tepat. Segala dapatan kajian dari data primer dan sekunder yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dan analisis kandungan. Maklumat yang diperolehi akan dianalisis untuk bahagian bab seterusnya. Oleh itu, pengkaji berharap dengan adanya maklumat kajian ini dapat menyumbang kepada pengkaji di masa hadapan dalam melakukan kajian penyelidikan dengan lebih baik dan sistematik.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan mengenai hasil dapatan kajian bagi menjawab tiga objektif kajian yang diperoleh dari temu bual. Dapatan ini diperoleh daripada kaedah kualitatif melalui temu bual bagi menjawab objektif pertama iaitu mengenal pasti bentuk-bentuk media baharu yang dapat digunakan untuk memartabatkan warisan, objektif kedua iaitu membincangkan peranan pempengaruh dalam memulihara warisan dan objektif ketiga iaitu menghuraikan cadangan pemuliharaan warisan yang perlu dilaksanakan oleh pempengaruh melalui media baharu. Ketiga-tiga objektif ini turut disokong oleh analisis data daripada data sekunder yang diperoleh melalui tesis, jurnal, buku rujukan dan laman sesawang yang berkaitan dengan kajian. Di samping itu, bab ini juga membincangkan perkaitan di antara kajian dengan Teori Komunikasi Massa McQuail yang diasaskan oleh Denis McQuail (2002). Teori ini menekankan mengenai aspek timbal balik pihak media dan masyarakat dari pelbagai perspektif bagi mencapai hubungan di antara objektif kajian dan aspek-aspek didalam teori untuk di analisis.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **4.2 PEMULIHARAAN WARISAN MELALUI MEDIA BAHARU DALAM MEDIA SOSIAL**

Dapatan temu bual diperoleh daripada hasil temu bual yang dijalankan terhadap lima orang Informan dalam kalangan pempengaruh Negeri Terengganu. Data yang diperoleh melalui hasil temu bual dianalisis dalam bentuk transkrip.

Secara umumnya warisan didefinisikan sebagai sesuatu yang mempunyai nilai dan dapat diwarisi dari satu generasi ke generasi yang baru. Hal yang berkaitan dengan warisan terdiri daripada bangunan, kawasan, kebudayaan, adat resam serta cetakan termasuk penulisan buku dan makalah (A.M.Mohd Zainul, 2015). Pemahaman konsep pemuliharaan amat penting bagi kita supaya pengekalan warisan dapat diteruskan tanpa mengubah nilai-nilai warisan. Menurut Badan Warisan Malaysia (1990), pemuliharaan atau konservasi itu memerlukan pengawalan proses bagi mengekalkan signifikansi budaya dengan melibatkan pemeliharaan, adaptasi, membaik pulih dan pembinaan semula. Secara ringkasnya, pemuliharaan ini merupakan satu proses yang bertujuan untuk memanjangkan usia sesuatu benda. Hal ini demikian kerana, warisan ini memiliki nilai-nilai sejarah, estetik, saintifik dan pengalaman sosial. Oleh itu, dengan memulihara warisan, kita mampu memberikan manfaat kepada generasi hadapan supaya lebih menghargai peninggalan nenek moyang mereka. Peninggalan warisan di Malaysia terlalu dominan sehingga pihak kerajaan merancang untuk membentuk satu undang-undang bagi memulihara dan memelihara warisan negara. Akta Benda Purba 1976 (Akta 168) yang telah dilaksanakan bagi mengawal, memelihara dan menyelidik bangunan-bangunan bersejarah, monumen, tapak-tapak warisan dan benda-benda purba serta pengeksportannya serta hal-hal yang berkenaan. Namun, Malaysia telah menggubal undang-undang tersebut kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang bertanggungjawab dalam bidang pemuliharaan dan pemeliharaan warisan serta mempromosikan dan menyelidik setiap benda warisan. Termasuklah warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan semulajadi, warisan bawah air dan tokoh orang hidup yang berkaitan dengan warisan. Hal ini bermakna setiap perkara yang diterima secara turun temurun oleh individu atau kelompok masyarakat yang lampau perlu dipulihara, dipelihara dan dilindungi sebaik mungkin.

#### 4.2.1 MEDIA BAHARU

Pemuliharaan warisan juga boleh melalui media baharu, hal ini telah disokong oleh dekan Universiti Sains Malaysia iaitu Prof Madya Dr. Jasni bin Sulong (2022) di dalam slot Webinar Antarabangsa Kesusteraan Media, Sains dan Teknologi yang mana beliau menjelaskan bahawa revolusi teknologi masa kini mampu berkembang seiring dengan bidang warisan. Pendapat ini juga, dipersetujui oleh Katherine Hayles (2008) menekankan bahawa karya yang terus dibuat dan dibaca pada skrin komputer adalah medium elektronik yang dikatakan sebagai '*digital born*'. Kini, teknologi media baharu telah dipelihara menggunakan warisan maya (Nor Farizah et.al, 2012). Perkara ini disokong oleh pendapat Informan 3 yang menyatakan bahawa:

*Nape hok saye pahang, media baharu ning ye lebih fokus kat alam maya, ho jadinya kita ni anok muda lebih cenderung pada format hok jenis video dan mende gini dapat sambutan luar biasa kat serata dunia.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

Hal ini juga bermaksud bahawa sesuatu teknologi atau aplikasi yang digunakan bagi memastikan seni warisan dapat dilaksanakan adalah dengan media baharu. Hal ini juga disokong oleh Informan kelima:

*"Hok saya paham, media baharu ning dia lebih kurang je dengan media sosial, sebab dua-dua ning berkait rapat dengan teknologi"*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

Pendekatan telah menunjukkan bahawa golongan muda yang tidak berminat dalam mengetahui seni warisan dapat diperjuangkan supaya tidak ditelan zaman melalui bentuk media baharu kini. Media baharu merupakan sebuah era yang mana mempunyai *connectivity*, akses yang terbuka, universal, fleksibel dan bersifat interaktif (Denis McQuail, 2011). Perkara ini juga dipersetujui oleh Informan 1 dan Informan 2 yang menyatakan:

*"Hm media baharu ning adalah media alam maya yang dimana manusia dapat berhubung sesame manusia, dok pung dengan kandungan digital secara atas talian atau kita panggil internet lah, macam whatsapp kita boleh video call ke ape kang haa gitu."*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural).

Penyataan diatas telah diperkuuhkan lagi oleh Kaplan dan Haenlein (2010) bahawa media sosial ini asasnya adalah daripada aplikasi yang menggunakan internet yang dibangunkan di atas ideologi dan teknologi Web 2.0. Hal ini juga disokong oleh pempengaruh kedua iaitu beliau menyatakan bahawa:

*“Hok saya tahu media baharu ni adalah satu kaedah baru yang kita guna sama ada untuk hasilkan video dan maklumat hok seorang akan guna internet dan telefon untuk tarik minat audiens.”*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

Hal ini juga telah disokong oleh Dr Madiawati Mamat @ Mustafa di dalam webinarnya yang bertajuk Webinar Antarabangsa Kesusasteraan Media, Sains dan Teknologi iaitu beliau mengatakan bahawa unsur interaktif yang turut dikaryakan oleh pempengaruh melalui pautan ke pautan yang lain dan mempunyai kesan serta makna yang mendalam saat menyampaikan konteks mampu dicipta dengan kreativiti tersendiri. Penggunaan media baharu mampu menyuntik semangat individu untuk memulihara seni warisan yang tidak lagi diusahakan oleh nenek moyang kita melalui cabang alam maya yang sering diaplikasikan setiap individu di globalisasi kini. Oleh itu, media baharu terutamanya media sosial mempunyai daya pengaruh yang tinggi dalam menarik individu untuk membantu menyampaikan maklumat secara terus dan juga dapat memulihara seni warisan di Malaysia. Antara media sosial yang digunakan bagi individu yang bergelar *influenencer* atau pempengaruh ini kebanyakkan mereka menyesuaikan diri di laman TikTok kerana majoritinya anak-anak muda yang mempunyai sifat inkuiri yang tinggi dalam mengetahui sesuatu perkara. Hal ini secara tidak langsung mampu memberikan bimbingan dan pengetahuan kepada mereka supaya lebih menghargai seni warisan (Yuzaidiey Said, 2023). Hal ini juga disokong oleh Informan keempat:

*Media baharu ning ada advantage dan disadvantage nye jugok, depends orang tu lah kalau guna kearah disadvantage dok leh buat apa, biasalah benda-benda pun kita ada pro and contra. Jadi bagusnya ada media baharu ning, sebab kita boleh memperluaskan. Contoh macam saya kan...seorang content creator yang minat kepada loghat, klasik...mende yang unik jadi saya nak ketengahkan mende tu, dan saya gunakan media baharu untuk orang tau. “Apa yang unik kat tempat saya”, “apa yang bestnya kat tempat saya” dan “apa yang*

*ada ditempat saya”. Jadi orang rasa nok pergi, sebab media baharu ramai anak-anak muda guna, dok kira peringkat umur, kanak-kanak pun ada dan boleh buat mereka “oh wow, aku nok tra aa”, “aku nok pertahankan aa”. Sebab sekarang ning kang hm budak-budak pun macam dah tade apa, bila kita ketengahkan diorang bila diorang lalu akan rasa tanam minat, tak banyak tapi sikit”*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

#### 4.2.2 MEDIA SOSIAL

Media sosial ini merupakan ‘social networking’ yang menghubungkan individu kepada individu yang lain melalui laman Facebook, TikTok, Youtube, Twitter, Instagram dan lain-lain yang mampu merentasi sempadan negara (Mashitah Binti Sulaiman. 2022). Hal ini juga disetujui oleh Informan 3 dan 4 yang mengatakan bahawa:

*“Pada fahaman saya lah, media sosial ni adalah satu platform manusia untuk berkongsi pendapat, kehidupan, kreativiti dan menjana pendapatan.”*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Media sosial naing depend kepada urang sebab mende, sebab media sosial ning untuk kita dapat kawang, kita menggunakan kearah kebaikan ataupun keburukan. Depends aa media sosial ni ye umum, terbuka dan info info yang mudoh kita dapat, so nape hok kita nok research tu semua dihujung jari je.”*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

Pada era pasca moden ini, aktiviti harian manusia telah dipenuhi dengan keperluan teknologi dan gajet seawal bangun pagi dan sebelum tidur. Ini telah menunjukkan bahawa internet adalah satu keperluan harian dalam setiap kehidupan individu tersebut. (Fauzi, 2017). Walhal Menurut Kee-Man Chuah (2013) media sosial didapati membantu perkongsian ilmu dan maklumat secara terbuka, hal ini telah disetujui oleh pempengaruh kelima dimana beliau mengatakan:

*“Apa yang saya paham, media sosial ni dia main dengan teknologi untuk sampaikan maklumat dekat orang ramai. Contoh macam Facebook, daripada Facebookning orang ramai boleh dapat*

*maklumat dari segi berita luor, kawang-kawang, resepi makanan. Haa gitulah mende hok saya paham”*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

Disini kita dapat simpulkan bahawa, pentingnya internet di zaman moden ini kerana dengan internet kita dapat mengakses maklumat dihujung jari tanpa halangan. Penggunaan media sosial telah digunakan terhadap kesemua golongan peringkat umur khususnya generasi muda. Generasi muda kini merupakan trend yang perlu diikuti dan mereka beranggapan bahawa aktiviti ini dapat memenuhi masa lapang sambil bersosial di media sosial (Anita ismail, 2021). Hal ini amat membimbangkan kerana mereka hidup seolah olah berpaksikan media sosial. Perkara ini turut disokong oleh Johari et. Al (2019) telah mengatakan bahawa pengguna media sosial haruslah memiliki rasa tanggungjawab untuk memelihara dan mengekalkan penggunaan media sosial daripada perkara yang tidak baik. Oleh itu, pelestarian media sosial ini perlu dititikberatkan supaya generasi muda dapat manfaatnya. Perbincangan ini telah disokong oleh Informan ketiga yang telah memberi pendapat mengenai penggunaan media sosial dalam media baharu:

*“Mengikut peredaran zaman sekarang ning, ada baik dan buruk juga. Namun dalam media sosial ni terlalu banyak benda baik yang telah diterapkan dan berjaya mengubah persepsi masyarakat tentang kepelbagaian faedah dan manfaat”*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

Hal ini juga disokong oleh Informan pertama yang bersetuju bahawa:

*“Jika media sosial digunakan kearah kebaikan maka akan menimbulkan kebaikan dan jika digunakan sebaliknya maka terjadilah keburukan”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Nok kata banyak kebaikan dok jugok nok kata banyak buruk dok jugok. Sebab dia tengok atas tujuan orang hok guna tu. Kalau dia guna kearah kebaikan baik lah dapat dia contoh, orang guna media sosial wak jual online, cari kawan-kawan haa situ dapat lah faedah dia boleh tamboh pendapatan dia dengan boleh tamboh kawang-kawang. Kalau*

*guna tujuan sebaliknya, lain lah pulak jadinya kan...gitulah padangan saya.”*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

Disamping itu, bentuk-bentuk media ini adalah yang mudah diakses menerusi media baharu seperti blog, Facebook, Instagram, TikTok, Twitter dan Youtube telah memberi hak kebebasan dalam menukar pendapat, berkongsi sumber maklumat serta menyokong pendapat mereka. Justeru itu, dengan bantuan internet, media baharu terus melebarkan sayapnya dan digunakan secara meluas oleh rakyat (Akhmal et.al, 2015). Hal ini juga turut disokong dengan hasil temu bual Informan, menurut Informan bentuk-bentuk media yang terbaik dalam menyampaikan maklumat mengenai pemuliharaan warisan adalah:

*“Banyak. Contoh Facebook, Instagram lepas itu, TikTok. Tapi kita kena ikut peredaran zaman jugok lepas itu tengok maklumat tu kita nok sampai dekat siapa, saya perati lening ramai orang main TikTok jadi...maklumat tu ok bagi orang ramai tahu saya rasa terbaik aa, sebab TikTok dulu anak muda je main tapi lening sekali dengan orang tua main, sebab mende? Sebab dari TikTok diorang dapat banyak maklumat. Jadi pasal pemuliharaan warisan ning. Kemungkinan naik FYP kat diorang dan pada masa yang sama diorang boleh tahu kan?”*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

*“Mende media sosial ni ye bergantung kepada penonton. Namun berdasarkan kepada content yang saya buat kebanyakkan pengikut suka dan tertarik dengan infografik dan sketsa. Hal ini sebab dekat dengan masyarakat dan selalunya content macam ni akan dapat banyak sambutan.”*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Bagi saya lah TikTok untuk anak-anak muda untuk golongan yang sekolah, remaja apa semua untuk tarik minat dari segi anak muda dan golongan remaja lebih sesuai TikTok. Sebab diorang banyak mempengaruhi mereka dari situ dan boleh research dari situ. Jadi untuk Facebook pulok, bagi golongan-golongan orang yang berumur lah sedikit, golongan berumur ni pun kita perlu tarikkan jugok sebab kita boleh berexplore dengan diorang. Sebab kita ning muda jadi kita*

*tak tahu dari A to Z, kita tak lahir dari zaman 90-an, jadi kita kena explore, macam diorang akan explain “ini salah dik” jadi kita accept apa yang diorang cakap sebab diorang makan garam dari kita, jadi saya menggunakan dua media iaitu TikTok dan Facebook.”*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

Namun, perkara ini telah disangkal oleh Leon A.Abdillah (2022) didalam buku kajiannya yang bertajuk “Peranan Media Sosial Modern” iaitu pada tahun 2021 penggunaan aplikasi Facebook telah meningkat dan kekal di tempat pertama mengalahkan media sosial yang lain seperti TikTok, Instagram, Youtube dan lain-lain. Penyataan ini tidak dipersetujui oleh Informan pertama kerana mereka menjelaskan bahawa akaun TikTok amat memainkan peranan dalam pemeliharaan warisan. Hal ini juga disokong oleh para Informan pempengaruh di Terengganu dengan mengatakan bahawa bentuk media TikTok dan Instagram sesuai untuk menarik minat masyarakat dalam memulihara warisan:

*“Bagi sayalah, TikTok main peranan, sebab dengan kehadiran pempengaruh yang popular dan penciptaan kandungan digital melalui penulisan atau content creator ni dapat mempengaruhi khalayak ramai”*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Saya rasa untuk menyampaikan maklumat mengenai pemuliharaan warisan ni ye perlu dibuat di aplikasi TikTok dan Instagram sebabnya orang muda dan belia memang wehi scroll mende ni. Jadi sini kitab oleh sunting semangat dan bagi ilmu warisan yang kadang tu orang muda pun dok tahu.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Pada pendapat saya, aplikasi hok sesuai untuk menarik minat masyarakat dalam memulihara warisan sama jee nge soalan tadi iaitu TikTok nge Instagram sebabnya bukan golongan muda jee hok main, malah golongan tua lening pun aktif duk main media sosial ning. Jadi dok pelik bagi saya kalau nok pelihara warisan dengan media sosial ni malah lagi mudoh.”*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

Manakala, menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) hal ini juga telah dibuktikan dengan statistik pengguna media sosial yang ramai menggunakan aplikasi Facebook sehingga ke harini dan penggunaan aplikasi TikTok hanyalah sebagai hiburan sahaja. Pada tahun 2023, WhatsApp, Facebook dan Instagram adalah platform media sosial yang paling banyak digunakan di Malaysia. Sebanyak 89.3%, WhatsApp ialah platform media sosial yang paling banyak digunakan di negara ini, kerana kemudahan dan kebiasaan menarik minat pengguna dari semua peringkat umur. Pada masa yang sama, keluasan ciri Facebook (84.8%) dan Instagram (74.3%) menarik khalayak yang pelbagai dan memastikan mereka yang menggunakan berhubung dengan semua perkara di sekeliling mereka. Walaupun populariti TikTok semakin meningkat dalam kalangan belia yang mencari hiburan. Hal ini juga disokong oleh Informan ketiga bahawa:

*“Ya, masyarakat Malaysia secara khususnya cenderung untuk menonton video yang sangat dekat dengan kehidupan seharian. Oleh itu, saya sebagai “content creator” haruslah mencipta satu scene yang mana akan berkait dengan kehidupan masyarakat Malaysia lah.”*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

Menurut Junaidi Awang Besar et.al (2012) mengatakan bahawa disebabkan kegagalan media tradisional dalam menyampaikan maklumat yang tidak adil dan telus telah memberikan impak yang serius kepada kewujudan media baharu seperti internet dan blog sebagai saluran baru kepada masyarakat. Hal ini juga disokong oleh Informan pertama dan kelima yang bersetuju bahawa teknologi media baharu sangat sesuai untuk memelihara warisan disebabkan teknologi zaman kini semakin canggih.

*“Ya, seiring dengan perkembangan dunia digital dimana makin ramai manusia memperolehi maklumat dari dunia alam maya dan pada pendapat saya ianya sesuai untuk kita sekarang menguar-uarkan mengenai warisan negara kita.”*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Ya, Sebab masyarakat sekarang kalau boleh nok benda mudoh salah satunya daripada media...sebab media ni diorang boleh buat macam-macam. Daripada media pihak bertanggungjawab boleh jalankan aktiviti secara online, buat penyebaran maklumat dengan kreatif biar*

*orang ramai ada sikap bertanggungjawab dan tertarik nok jaga benda warisan ning. Pada masa yang sama, penyebaran tu boleh tersebar dengan lebih meluas dengan penggunaan media baharu. Bagi saya bentuk media yang sesuai adalah TikTok kerana dia lebih umum dan semua orang main lening...dok kira peringkat umur muda sampai ke tua ha ha ha ...”*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

Oleh itu, tidak hairanlah penggunaan media baharu seperti Facebook, Instagram, TikTok dan lain lain media sosial dilihat sebagai kaedah dalam penyampaian maklumat dengan lebih cepat dan mudah. Selain itu, ia juga turut dipercayai oleh golongan muda sekaligus telah membawa kepada keagresifan para pempengaruh dalam memanfaatkan media baharu sebaik mungkin. Pada pemerhatian pengkaji sepanjang mengkaji kajian ini, ramai para pempengaruh telah melakukan siaran langsung (live) untuk mempromosikan, berkongsi maklumat bersama pengikut-pengikut mereka, menghiburkan dan sebagainya. Oleh itu, tidak hairanlah penggunaan “live” didalam media sosial dapat memelihara warisan kita jika dilakukan dengan konsisten. Hal ini telah disokong dengan pernyataan hasil temu bual pengkaji dengan para Informan:

*“Pada dasar pemerhatian saya, “live” salah satu medium untuk seseorang pempengaruh mendekatkan diri dengan pengikutnya. Namun, sebagai seorang pempengaruh perlu melakukan persediaan yang rapi kerana agak sukar untuk membuat penonton menonton “live” dalam kadar waktu yang lama”*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Kalu macam saya kalau saya free saya memang buat live kadang tu ada jugok la pengikut media sosial suruh saya cakap ikut Loghat Hulu Terengganu dan Terengganu sekali dengan maksudnya sekali. Jadi sini kita boleh kabo memang buat “live” di media sosial ini merupakan satu pemuliharaan warisan sebab lening orang dok baca buku doh padan main media sosial je.”*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Boleh, Tiada masalah asalkan dapat membawa kebaikan bersama dan nilai sejagat. Kalau macam saya selalu jugak saya buat “live” untuk menunjukkan kepada followers saya hasil kerja mural yang*

*dilakukan. Tak lama cukup dalam 30 minit bagi follower yang ingin mengetahui lokasi dan apa elemen seni yang dimasukkan kedalam mural dinding saya.”*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Saya sangat setuju, sangat sangat perlu bagi saya sebab ramai lagi yang tak tahu dan ramai lagi yang berminat nak tahu saya pun tak tahu ramai yang minat kita punya warisan sebab ork saya try explore and buat live jadi eh satu keunikan lah yang kau ada dan itu advantage yang kita ada jadi orang takt ahu saya pun takt ahu “eh biar betul asal dari Johor ye minat kita punya slang, ye minat kita punya warisan. Jadi kita kena tonjolkan lagi sebab itu satu keunikan yang kita ada dan kita kena pertahankan.”*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

*“Pada pendapat saya, lakukan pemuliharaan secara live di sosial media sangat bagus tapi nok naik FYP TikTok ni bukan senang. Melainkan ketika pemuliharaan itu dibuat, pihak bertanggungjawab perlu menjemput mana-mana artis untuk menarik minat penonton atau followers untuk terus menonton, at the same time mereka tahu gane nok pelihara tanpa tengok saje-saje”*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

Pemerksaan warisan ini dapat dilakukan dengan menggunakan media baharu sebagai medium penyampaian maklumat secara terus dan pantas. Kehadiran media sosial telah membawa kearah penyertaan manusia secara *online*, perkara ini bukan sahaja penyertaan manusia dalam dunia nyata malah dalam dunia maya (Ali & Samsudin, 2012). Hal ini telah menunjukkan bahawa, penyertaan manusia terhadap pengaplikasian media baharu telah membawa kearah memartabatkan warisan dengan hanya menggunakan media baharu kepada generasi muda. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan hasil temu bual daripada Informan-Informan yang mengatakan bahawa:

*“Ya, saya sangat setuju bahawa media baharu ini mampu memelihara warisan dan menarik minat generasi muda untuk mengetahui warisan. Contohnya macam kandungan digital yang memaparkan keistimewaan dan keunikan muzium terbesar di Malaysia iaitu*

*Muzium Negeri Terengganu, dengan ini generasi muda dapat menimba ilmu pengetahuan melalui content creation yang menarik.”*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Ya, betul memang media baharu banyak membantu kita dalam memartabatkan warisan. Macam saya op, saya wak live, jadi ada hok masuk tu tanya macam macam pasal loghat, sebab loghat kita ning unik, sebab itulah kita kena tonjolkan lagi, itu adalah keunikkan yang kita ada dan kita perlu pertahankan aa”*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

Hal ini juga disepakati oleh Informan kedua dan ketiga yang menyokong pernyataan diatas iaitu:

*“Ya. memang saya setuju sangatlah. Sebab biasanya video saya kebanyakannya memaparkan loghat Hulu Terengganu pahtu ada jugok asal usul Terengganu, kadang tu ada jugok saya promosikan tempat menarik di Hulu Terengganu dan Terengganu.”*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Ya, saya bersetuju. Kebanyakkan video-video TikTok saya banyak memainkan sentimen loghat Terengganu yang berjaya menambat hati penonton dan saya juga menerima komen-komen yang positif bukan sahaja dari masyarakat Terengganu tapi juga dari pelbagai negeri di Malaysia serta Brunei.”*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

Penggunaan media baharu dapat menimbulkan kesan positif atau negatif kepada pengguna berbanding pendekatan tradisional dalam pemuliharaan warisan

*“Tidak dinafikan setiap platform baharu akan mengundang pelbagai persepsi positif dan negatif. Namun sebagai pencipta content saya menganggap perlu ada nilai-nilai tambahan dalam setiap video sebagai satu pesanan dan peringatan.”*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

Namun, pandangan ini dapat dilihat dengan perbezaan pendapat dari Informan keempat yang mengatakan bahawa, pendekatan tradisional juga perlu dilakukan sebagai seorang pempengaruh bagi memelihara warisan. Hal ini kerana, ada juga golongan tua yang lebih pakar dalam sesuatu perkara warisan tetapi mereka tiada keperluan internet untuk menggunakan media sosial.

*“Bagi saya dua-dua perlu diketengahkan lagi aa, sebab macam media baharu kita buat secara live op, ho macam orang tahu, jadi bila orang tak, okey macam saya more to loghat dan makan makanan tradisional jadi at least diorang mari kat sini. Contoh ah saya cakap makanan makanan tradisional kat Terengganu menggunakan media baharu, macam IG(Instagram), “jom tra makanan tradisional sini, hoo aku tahu info ni dekat sini ea”, jadi info-info orang luar banyak dapat, jadi yang hm hm media yang lama macam kita berjumpa secara live macam hm dengan nenek-nenek kita, kita dapat banyak lagi belajar. Kita explore, contohnya saya tak pandai buat ni nek, takpe kita belajar, at least kita dapat share ke media baharu supaya orang dapat, ramai yang dapat tahu lah”.*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

Mengenai pendekatan teknologi media baharu dan media tradisional ini, Informan pertama yang mana mengatakan bahawa kesan positif dan negatif ini wujud jika menggunakan teknologi kini.

*“Kesan positifnya adalah disebabkan oleh media baharu lagi mudoh dan cepat untuk sebar kandungan digital berbanding media tradisional seperti penggunaan buku, radio dan tv (televisyen).”*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

Informan kedua juga bersetuju bahawa media baharu seperti aplikasi media sosial banyak memberi manfaat dan impak kepada pengguna jika digunakan sebaik mungkin. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan penyataan dari Nur Syahida Zulkifli (2021) iaitu Media baru adalah antara bidang kajian yang terkini untuk dikaji oleh para penyelidik kerana secara amnya, media baru dilihat lebih dominan berbanding media lama.

*“Media sosial ning ada bagi kesan positif dan kesan negatif pada pengguna. Kadang ikut atas pengguna itu sendiri kalau guna untuk cari maklumat, ilmu, info semasa, baiklah...sebab lening maklumat*

*boleh didapati dihujung jari je. Kalau guna untuk main game, judi online, tengok mende dok molek tu memang bagi kesan buruklah...pada pengguna”*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*Tipulah tak de kan? Side negatif pun ada positif pun ada itu biasalah content creator kan so kita kena telan jelah, macam side positif diorang cakaplah baguslah kerana telah mempertahankan kita punya tu, sebab tak de dah anak-anak muda. Dari segi side negatif diorang cakap “tak perlu dah buat macam ni, sebab kita pergi interview ke atau pergi ke mana-mana ke orang dah dok guna loghat kita. Jadi saya cakap itu adalah salah satu loghat kita dan keunikan kita jadi kita kena pertahankanlah.*

(I4. Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

*“Dok dinafikan media baharu ini mengundang banyak persepsi dok kira baik buruk. Kalau pendapat saya sebagai content creator, nak hasilkan sesuatu video tu kenalah ada kebaikan dia...jangan hasilkan video kosong tiada ilmu, at least mende yang kita nok sampaikan dekat orang biar maklumat yang berguna dan menarik. Beza pulok dengan pendekatan tradisional ning contoh buku aa op, bagus er, tapi bayangkan maklumat tu kita buat sebagai buku, orang hok wehi baca boleh lah...jenis lening orang nok mudoh je belaka. Maklumat kat hujung jari lake. Rasa-rasa ada ke orang nok baca, haa gitu makna sakning”*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

Secara keseluruhannya, para Informan bersetuju bahawa media sosial ini banyak memberi manfaat dan mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap media baharu. Dengan demikian, pengkaji dapat melihat bahawa pempengaruh negeri Terengganu ini banyak menerima maklum balas yang positif berbanding negatif serta mereka terus berkarya dengan menghasilkan *content* yang menarik dalam media sosial. Hal ini mereka telah mencadangkan beberapa strategi yang boleh digunakan untuk menggalakkan masyarakat media baharu dalam memulihara warisan mereka.

*“Contoh strategi... hm dengan membuat kandungan atau content digital yang menarik pasal keunikan budaya dan kuah tradisional*

*Terengganu...atau buat vlog dan berkongsi aktiviti sesetengah rakyat Terengganu yang membuat ukiran kayu dan jalan-jalan cari makan sambil mempromosikan kuih muih yang unik yang ada di Terengganu. Misalnya..."*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*"Strategi hok boleh kite buat untuk beri galakan pada orang ramai untuk guna media baru seperti mencipta video yang menarik bukan saje pandai olah idea dan contoh, malah persembahan video yang menarik dengan pengisian video yang pendek dan ringkas hok mana memang sesuai untuk generasi sekarang yang dok suke membaca"*

(I2, Pempengaruh Loghat Terenggannu)

*"Strateginya...hmm sebagai content creator kan, saya rasa kreativiti sangat diperlukan untuk mengolah idea atau isi kandungan supaya tidak kelihatan terlalu formal"*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*"Pendapat saya aa kita kena buat content-content yang menarik supaya mereka terinspirasi dengan kita dan diorang ikut sekali,kita kena tarik minat diorang, macam diorang jumpe kita secara live, haa "kak , kak ada TikTok ?" "Like lah TikTok saya" kak kan ada TikTok haa cuba lah akak main TikTok, haaa kita tunjuk side yang positif supaya orang tu boleh tau "ohhh kat TikTok ada mende naing ingat ke juget-juget je, tapi banyak lagi kita boleh explore...so kita kena explain secara live tu peranan pempengaruh untuk tarik urang-urang luor untuk minat dengan media baharu, macam saya ada buat challenge-challenge jugok teka loghat Hulu Tranaung, so pada masa yang sama kita suh ye join main TikTok. Biasa mokcik-mokcik aa op, mende TikTok naing lagho ... ha ha ha...eh dok kalu mokcik dengu ngaji mok cik buleh pahala haa gitu, hak ngaji paun buleh pahala"*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

*"Maklumat dan gaya penyampaian jangan terlalu formal aa biar orang mudoh faham, se lagi perlu dedahkan secara kreatif supaya dapat menarik minat orang ramai untuk buat content pasal warisan ni...haa gitu"*

Keseluruhannya, berdasarkan daripada kajian-kajian lepas bahawa penggunaan media baharu melalui media sosial ini merupakan salah satu alternatif yang penting untuk memelihara warisan kerana ia bersifat interaktif dan pantas dalam menyebarkan maklumat. Sepertimana kita sedia maklumat, media baharu ini mempunyai beberapa ciri yang lebih cepat, mudah diakses, tiada batasan dan bersifat terbuka. Oleh itu ianya sesuai dalam pemeliharaan warisan.

### **4.3 ANALISIS DAPATAN TEMUBUAL**

Dapatan temu bual diperoleh daripada hasil temu bual yang dijalankan terhadap lima orang Informan seperti jadual 4.1. Data yang diperoleh melalui hasil temu bual dianalisis dalam bentuk transkrip.

Jadual 4.1: Senarai Informan Kajian

BIL	KOD DAN HURAIAN	PEMPENGARUH
1.	Informan 1 (I1)	Pelukis Mural Warisan
2.	Informan 2 (I2)	Loghat Terengganu
3.	Informan 3 (I3)	Loghat Terengganu
4.	Informan 4 (I4)	Loghat Hulu Terengganu
5.	Informan 5 (I5)	Seni Telepuk

Sumber: Kajian Lapangan, 2023

#### **4.3.1 INFLUENCER ATAU PEMPENGARUH**

Menurut Wayner Geyser (2023) pempengaruh ialah seorang yang memiliki pengaruh, kuasa, kedudukan dan pengetahuan yang mampu mempengaruhi penonton atau pengikut di media sosial. Pempengaruh ini dikatakan bukan sahaja alat pemasaran malah mereka juga penghubung sosial yang dapat berkerjasama dengan seseorang bagi mencapai objektif mereka. Beliau juga mengatakan bahawa, pempengaruh ini orang yang telah membina reputasinya dengan pengetahuan dan kepakaran topik mereka. Menurut Dinda Aulia Nurul Fernanda (2023), pempengaruh dikatakan juga sebagai seorang yang aktif, aktif berpikiran dan terhubung baik dengan pengikutnya. Seorang

pempengaruh ini juga boleh terdiri daripada pelbagai perkerjaan, pangkat mahupun tingkat pendidikan.

Kategori pempengaruh ini dapat ditentukan berdasarkan jumlah pengikutnya. Hal ini dikatakan demikian kerana pempengaruh ini telah dipecahkan kepada beberapa jenis iaitu, *mega-influencer*, *makro-influencer*, *mikro-influencer* dan *nano-influencer*.

- **Mega-influencer**

*Mega-influencer* adalah seorang pempengaruh yang mempunyai lebih daripada sejuta pengikut sekurang-kurangnya pada satu platform media sosial

- **Makro-influencer**

*Makro-influencer* pula berbeza kerana julat pengikut antara 100,000 dan sejuta.

- **Mikro-influencer**

*Mikro-influencer* ialah orang biasa-biasa yang telah dikenali kerana pengetahuan mereka tentang beberapa niche mengikut kepakaran

- **Nano-influencer**

*Nano-influencer* ini adalah satu jenis pempengaruh terbaru yang mendapat pengiktirafan kerana sifat mereka yang konsisten dalam menyediakan content. Mereka ini mempunyai jumlah bilangan pengikut yang kecil dan sedikit dan pempengaruh ini cenderung menjadi pakar dalam bidang yang tidak jelas dan khusus. Pempengaruh kategori *nano-influencer* ini mempunyai jumlah pengikut 1000 dan 10,000 yang mana pengikutnya berminat untuk mendengar pendapat mereka dan memberi pendapat. Oleh itu, lahirlah fenomena *social media influencer* yang telah mencetuskan media baharu.

Dengan demikian, didapati bahawa kesemua pempengaruh media sosial di Negeri Terengganu seramai 5 orang, masing-masing tergolong dalam *mikro-influencer* dan *nano-influencer*. Hal ini dapat dilihat dari akaun media sosial mereka. Para pempengaruh mempunyai julat pengikut seramai 1000 hingga 10,000, hal ini disebabkan oleh pengetahuan mereka yang dikongsi di

laman sosial. Selain itu, pempengaruh juga lebih dikenali sebagai pembuat *content* di media sosial dengan pelbagai topik yang beragam dengan tujuan mendapat layanan daripada para pengikutnya (Stoldt et.al, 2019). Pempengaruh juga sering dimaksudkan dengan seseorang individu yang aktif dalam laman sosial dan kerap menggunakan demi tujuan menyampaikan informasi atau ilmu (Hermanda et.al,2019). Hal ini disokong lagi dengan pernyataan dari Informan-Informan iaitu:

*“Pempengaruh ni seseorang yang ada daya untuk mempengaruhi orang ramai dalam sesuatu atau beberapa perkara”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

Hal ini juga diperkuatkan lagi dengan Ledbetter dan Redd (2016) menyatakan bahawa keupayaan pada media sosial tergantung pada pelbagai jenis bentuk pribadi, seperti status sosial, hal ini karena status sosial lebih mudah untuk dinilai melalui media sosial seseorang. Status sosial dapat terlihat dari berbagai aspek, seperti popularitas, kekayaan, status pernikahan, pekerjaan, kegemaran, dan lain-lain. Oleh sebab itu, daya penarik yang menarik dapat membantu dalam mempengaruhi masyarakat. Hal ini juga disokong oleh Informan bahawa:

*“Pempengaruh lebih di kenali dengan seseorang yang mempunyai sejumlah pengikut di media sosial dan menjadi perhatian masyarakat setempat”.*

(I3,Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Pempengaruh ni hok saya faham ye orang terkenal di media sosial yang ada ramai pengikut dan peminat”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Pempengaruh ning ikut nape hok saya faham lah deh, dia ni orang yang berpengaruh di laman sosial dan ada pengikut yang ramai”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

Penjelasan ini dikukuhkan lagi dengan hujahan oleh Informan keempat yang menyatakan bahawa seorang pempengaruh ini sosok seseorang yang mampu mengundang perkara kebaikan dan dapat menjadi ikutan, waimah mereka bukanlah memiliki pengikut yang berjuta. Menurut Setyorini & Rahmanwan (2021) pempengaruh itu sendiri dapat mempengaruhi orang lain terhadap apa yang dikatakan dan pastinya seseorang itu tidak harus dari kalangan selebriti.

*“Pempengaruh ning saya anggap pempengaruh ning orang yang mempengaruh ke arah kebaikan, contohnya dia orang yang berpengaruh tapi dia buat side yang boleh pahala contohnya,dia share mende yang bermanfaat, setakat follower “ oh aku ada follower 100,000 tapi tengok daripada content hok buat, contoh content yang bermanfaat, bagi saya nothing aa, sebab tu macam saya contohnya hmm kita wak content masak , kita kena prepare walaupun kita ning ada 1000 follower saya dah anggap dia pempengaruh , sebab ye share mende yang bermanfaat bagi saya, contoh tempat-tempat menarik, yee pempengaruh ning ye dok perlu mencukupi follower yang berjuta-juta, berbillion-billion tapi kita share content yang tidak ada faedah orang kata. Bagi saya pempengaruh ning walaupun kita tak ada follower tapi dia mempengaruhi saya kearah kebaikan, kita tengok video dia “oh boleh ah try wak gini” contohnya macam content cara mengingati,macam diorang share mende mende yang berfaedah itu adalah pempengaruh bagi saya ”.*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

Namun, bagaimana cara seorang pempengaruh mampu membantu dalam mempromosikan warisan bagi memuliha ranya:

*“Bagi saya, bagaimana saya sendiri mempromosikan warisan di Negeri Terengganu ni adalah dengan saya memperindahkan lukisan saya dengan perkara-perkara warisan di Negeri Terengganu, awak boleh tengok dekat bangunan hok saya lukis mural dekat dengan Paya Bunga Square tu, mungkin ramai orang anggap minat seni ni dok boleh pergi jauh, even saya ada ijazah dalam kejuruteraan, tapi saya tinggal sebab saya lebih berminat jadi pelukis. Secara dok langsung saya boleh memartabatkan warisan negeri dengan lukisan saya. Jadi tu adalah kebanggaan saya ”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Benorinya influencer ni memang sangat membantu untuk promosi warisan sebabnya influencer ni segala gerak geri,tingkah laku dan watak perwatakan sememangnya mendapat perhatian yang ramai bukan sahaja di Malaysia tapi luar negara ”.*

(I2,Pempengaruh Loghat Terengganu)

Perkara ini dibuktikan lagi dengan kajian-kajian lepas oleh Nam et al. (2018) yang menyatakan bahawa setiap informasi positif yang disampaikan oleh pempengaruh dapat mempengaruhi pendapat tentang sebuah penawaran, produk atau layanan kerana mereka lebih dipercaya dibandingkan iklan yang ditaja di media sosial. Hal ini juga disokong oleh Informan yang menyatakan bahawa:

*“Secara amnya, pempengaruh memiliki pengaruh-pengaruh tersendiri yang membolehkan beliau untuk megenengahkan pelbagai pandangan dan pendapat di media sosial dan kemungkinan untuk masyarakat memberi perhatian adalah sangat tinggi”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Bagi saya dengan menggunakan pempengaruh dalam mempromosikan warisan sangat bagus lah...sebab pempengaruh ni kadang-kadang mampu mempengaruhi pengikut dia dengan perwatakan yang menarik”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

Selain daripada pengaruhnya yang tinggi, pempengaruh juga haruslah mempunyai daya kreativiti yang tinggi bagi melakukan *content* yang menarik serta mampu menyakinkan pengikutnya. Menurut Felicia Abednego (2021) bahawa tingkat kegiatan pempengaruh mampu memiliki kesan kepada pengikutnya di media sosial untuk berinteraksi dengan penciptaan *content* yang menarik. Kajian juga menemukan bahawa pempengaruh yang aktif di sosial media akan lebih banyak menjangkau pengikut lainnya, karena *content* yang dihidangkan akan segar dan selalu baru. Pendapat ini disokong oleh Informan yang menyatakan bahawa:

*“Untuk membantu mempromosikan ni semestinya dari content yang kreatif aa contohnya awal-awal saya baru belajo dalam dunia content creator jadi awal-awal saya buat video sangat panjang lebih 5 minit, bosan weh lah, jadi saya pendekkan video tarikkan, kena share mende-mende yang menarik dan kita kena explain mende yang kita buat, contohnya saya loghat challenge, kita bagi contoh satu perkataan kita explain balik biar diorang faham and then diorang boleh guna sekali”.*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

Adakah populariti seseorang pempengaruh juga memainkan peranan penting dalam memulihara warisan? Pertanyaan ini menghasilkan jawapan yang beragam dari

Informan iaitu I3,I5 dan I2 menyatakan bertapa pentingnya status sosial, pengikut dan populariti dalam memulihara warisan:

*“Penting, ini kerana bukan sahaja ia akan membantu pempengaruh tersebut tetapi juga boleh memartabatkan nilai-nilai warisan ke serata dunia”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Ya, sebab dia bukan sahaja bagi memanfaat dekat pempengaruh tu sendiri tapi dekat pengikut dia jugak, lepas itu dalam pada masa yang sama kita dapat memartabatkan lagi warisan-warisan yang ada dekat negara kita salah satunya seni telepuk, tidak ramai orang pandai buat disebabkan cara pembuatan dia yang rumit. Jadinya, pempengaruh lah perlu bagi pengaruh kuat dekat pengikut dia tapi tidak kemungkinan dia dapat bantu orang ramai dalam mencari pendapatan seni penghasilan telepuk”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

*“Macam saya kabo lah pempengaruh ini memang penting dari segi pemuliharaan warisan sebabnya dia boleh jugok mempengaruhi orang ramai”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

Informan juga beranggapan bahawa dengan populariti yang tinggi menunjukkan bahawa seorang pempengaruh itu semakin dipercaya dan dapat mempengaruhi orang ramai. Namun pendapat ini telah disangkal oleh I1 dan I4 yang mana menjelaskan bahawa :

*“ Tidak perlu populariti tapi yang lebih popular ada kelebihan lagi ramai dan lagi cepat tersebar, bagi saya asalkan mesej yang disampaikan oleh mereka menarik dan jelas, orang akan tertarik untuk engage dengan content mereka”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Macam saya kabo tadi, bagi saya tidak terlalu famous pun nak jadi pempengaruh ning, just cukup mereka share perkara yang berfaedah dan perkara yang dapat membantu memartabatkan lagi warisan-warisan yang ada disekeliling mereka”.*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

Bagi Informan diatas pula, seorang pempengaruh itu cukuplah dengan menyebarkan perkara yang berfaedah kepada khalayak umum dan populariti itu tidak akan menyokong *content* yang dibuat jika seorang pempengaruh itu mengunggah *content* yang negatif dan tidak memberi manfaat kepada orang awam.

#### 4.3.2 CIRI-CIRI PEMPENGARUH

Menurut Till (2000) iaitu daya tarikan fizik pempengaruh media sosial diyakini dapat meningkatkan sumber yang berfokus pada atribut fizik atau karakteristik pempengaruh. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa, kesemua Informan bersetuju bahawa kreativiti dan personaliti merupakan ciri-ciri seorang pempengaruh bukan sahaja dengan mempunyai pengikut yang berjuta. Seluruh Informan berpendapat bahawa dasar kreativiti yang ada pada seorang pempengaruh mampu membantu mereka dalam pemuliharaan warisan. Hal ini dapat disimpulkan bahawa dengan mencipta *content* yang menarik dan kreatif akan mampu menambat hati pengikut di media sosial.

*“Berbalik pada kreativiti seseorang pempengaruh. Ini kerana untuk memelihara warisan adalah sangat penting untuk memberi perhatian apa yang boleh menambat hati masyarakat setempat. Content yang terlalu formal dan gagal menambat hati penonton boleh menyekat matlamat pempengaruh untuk memelihara warisan dengan cara yang baik”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Bagi saya seorang pempengaruh itu perlu mempunyai niat yang jelas dalam pembuatan content dan berusaha menghasilkan content yang kreatif serta mereka perlu berkerjasama dengan organisasi berkaitan untuk memelihara warisan”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

Perkara ini juga telah disokong oleh Tondi Nugraha (2021) yang menyatakan bahawa seorang pempengaruh haruslah memiliki karakteristik yang mampu menarik ramai pengikut dengan penciptaan *content* yang menarik dan kreatif. Kekreatifan ini juga boleh diasah melalui kaedah penyuntingan yang unik dan bukan itu sahaja, jalan penceritaan yang menarik seperti sketsa lakonan yang dilakukan oleh informan ketiga juga mampu meningkatkan jumlah pengikut dan pemuliharaan warisan dapat dilaksanakan menerusi akaun media sosialnya. Hal ini juga turut diperkuuhkan lagi dengan hasil temu bual Informan yang menyatakan bahawa:

*“Ikut atas kreativiti masing-masing la, macam saya ni saya banyak buat content pasal loghat Hulu Terengganu dan Terengganu. Melalui video-video yang saya post di media baharu sedikit sebanyak memang dapat memelihara warisan bahasa Hulu yang jarang orang muda dengar dan guna. Jadi loghat sebegini dapat la dipelihara dan dapat menyunting dalam minda anak muda zaman sekarang”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Ending content main peranan jugak macam “nak tahu lebih, follow aa dulu” (dengan nada yang ceria), lagi...kita kena contact lah dengan mereka...bila kita berada diatas kita jangan sompong lah, jadi kita kena melayan. Contoh diorang cakap macam ni, kita try buat, so ini akan mempengaruhi orang “mu kenal dok orang kuala berang huk ning, dok soh kenal ah ye ning sumpong”, “mu kenal dok dia ning?” “bagus ye ning hormat urang tua”. Jadi aku nok follow jugok la. Orang akan tertarik dengan kita. Sikap lah penting aa. Personaliti. Lagi,hmm kena tanam minat lah bagi saya. Kalau pempengaruh kita paksa “weh mu kena wak content tentang warisan”, dok jadi mende sebab ye dok minat, dok minat kearah tu. Sebab saya, saya minat “rindu erm zaman tu, nok throwback...nok kembali dokleh doh, rindu boleh, kembali jangan...ha ha ha. Sebab masa tu saya berkerja di KL (Kuala Lumpur) saya rindu vibe suasana kampung, lepas itu saya macam kena tanam minat, saya buat dulu masakan tradisional apa semua, saya rasa minat saya buat mende tu. Sebab tu pentingnya orang tua tanam minat pada usia muda macam melentur buluh, biarlah dari rebungnya. Ni kecik-kecik duk main telefon doh...macam mana nak ada rasa minat main permainan tradisional. Jadi minat aa penting nok tarik orang tu kita kena buat mende tu biar kita rasa minat”.*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

*“Hm bagi saya ciri-ciri yang pelu ada dekat seorang pempengaruh ni pertama sekali kena ada perwatakan yang menarik. Sebab dari situ dia dapat menambat hati peminat-peminat dia untuk sama-sama memelihara warisan yang sedia ada ning dari sirna ditelan zaman”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

### 4.3.3 CABARAN PEMPENGARUH BAGI MEMELIHARA WARISAN

Media baharu khususnya media sosial merupakan salah satu konsep baharu yang digunakan dalam proses pemuliharaan warisan yang menarik dan dapat membantu dalam perkongsian maklumat (Mashitah Binti Sulaiman, 2021). Hal ini demikian kerana, menurut beliau lagi pemuliharaan menerusi media sosial tidak terikat dengan masa kerana dapat dilakukan dimana-mana sahaja malah pemuliharaan warisan seperti ini mampu disampaikan dengan pantas. Tidak hairanlah, pada zaman teknologi kini pempengaruh berpeluang untuk berkomunikasi dengan pengikut mereka secara alam maya tanpa batasan untuk menyampaikan maklumat. Namun, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh pempengaruh dalam memelihara warisan demi memartabatkan warisan negara. Antaranya adalah persepsi masyarakat, kos dan teknik pembuatan, dan kesukaran dalam menterjemahkan loghat. Hal ini dapat dilihat melalui hasil temu bual Informan-Informan.

*“Kekurangan info dan bajet untuk mereka sampaikan maklumat kepada orang awam”*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Bagi saya cabaran dalam memartabatkan warisan ini adalah dari segi kos dan teknik pembuatan. Sebab apa, kebanyakkan orang tak amboh buat seni telepuk disebabkan kos yang besar dan teknik dia yang rumit...lepas itu nok buat telepuk ini kena ada kesabaran yang tinggi dan berhati-hati, tu je lah rasanya cabaran pasal nok attract anak muda wak seni ning”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

*“Saya percaya setiap pempengaruh memang banyaklah cabaran untuk mula dan berkekalan. Macam saya sendiri pun memang ada cabaran sebab segelintirnya ada yang komen negatif, tapi banyak kepada komen positif lah...sebab bila kita pandang dari sudut positif mende sebegini la kita patut ketengahkan lagi, supaya mereka bangga ada loghat yang unik”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Mengikut pengalaman saya sendiri, persepsi masyarakat adalah satu cabaran terbesar. Ini kerana content saya secara khususnya membawa loghat Terengganu dan loghat negeri ini terbahagi kepada aspek seperti sebutan, keadaan dan faktor geografi. Pempengaruh harus bersedia secara*

*mental untuk menerima teguran daripada masyarakat baik secara positif atau negatif”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Cabarannya, hmm nak explain kepada bahasa baku, kita selalu guna perkataan tu tapi dok tahu nok explain gane ke orang tu...contohnya duit op, siya mende aa kadang-kadang dok mari. Saya pernah belajar di KL, kengsot tu mende HAHAHA. Cabaran paling besar adalah kecaman orang lah “eh tak payah lah buat mende ni”. Saya naik sebab kecaman orang. Dulu saya buat content masak je, tapia da seorang hamba Allah ni takt ahu lah siapa, setiap kali video masak saya dia komen. Masok sedak doh tapi cakak macam orang asli. Diorang cakap xyoh lah cakak over sangat hulu tu, doh tu loghat kita. Dan lepas tu saya buat video, dan ramai orang backup. Kita ni ada je orang suka dan dok suka. So kena adapt lah kalau nok jadi pempengaruh”.*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

Disini kita dapat simpulkan bahawa, persepsi masyarakat merupakan cabaran yang dominan sebagai seorang pempengaruh media sosial demi pemuliharaan warisan agar dapat diketahui oleh orang ramai.

#### **4.3.4 LANGKAH PEMPENGARUH DALAM MEMULIHARA WARISAN**

Setiap pempengaruh di Malaysia memainkan peranan penting dalam memulihara warisan yang akan diwarisi oleh generasi akan datang. Perancangan untuk memulihara warisan dalam negara ini perlu dan sangat penting untuk mengelakkan berlakunya kepupusan atau kehilangan warisan tersebut. Hal ini kerana, warisan yang hilang menyebabkan kerugian bagi generasi akan datang. Antara langkah yang perlu diambil oleh seorang pempengaruh dalam memulihara warisan adalah mempromosikan hal-hal yang berkaitan dengan menyebarkan di dalam media sosial. Menurut Dr. Abdul Halik (2013), penggunaan media telah berperanan dalam proses interaksi sebuah *content* yang disebarluaskan kepada masyarakat dengan mendorong ke arah yang lebih positif. Hal ini telah dipersetujui oleh informan-informan di Terengganu iaitu:

*“Hmm pempengaruh ni ye boleh bantu organisasi ataupun kerajaan dalam mempromosikan hal-hal berkaitan pemuliharaan warisan dengan menyebarkan dekat laman media sosial mereka”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Langkah yang saya ambil ialah membuat content yang mempunyai nilai warisan, budaya sesuatu masyarakat contohnya loghat Hulu Terengganu sebabnya ramai orang dok tahu dan dok faham pun apa maksudnya dan bila boleh digunakan. Jadi mungkin ini satu langkah yang baiklah untuk saya memartabatkan bahasa Hulu Terengganu”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Secara peribadi, saya lebih cenderung untuk melakonkan sketsa kerana ia lebih dekat dengan masyarakat setempat. Di dalam sketsa-sketsa saya, saya akan menerapkan loghat-loghat Terengganu”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Hmm kita sendiri yang kena guna loghat ning untuk orang tahu, contoh kita jumpa secara depan-depan janganlah pulok kita cakak KL duduk kuala berang haa...dok buleh aa. Kekgi kena kecam dalam video cakak lain, depan cakak lain nanti Nampak macam fake, Jadi jangan fake. Langkah pertama kena life macam biasa...yang kedua hmm kena tarik minat ah, tarik minat anak muda...kita terang, slowtalk, ajak diorang main sekali dan saya nak tu saya tidak ada kuasa jadi pihak-pihak yang bertanggungjawablah haruslah mengenengahkan warisan kita. Saya sebagai pempengaruh hanya mampu untuk buat content yang menjurus ke arah topik atau tajuk yang selalu diutarakan...dan orang yang malu dengan loghat sendiri ni dia tiada identity. Jadi dakyoh malu lah, diorang hok malu ni ye dom tahu ini adalah satu keunikkan, advantage yang kita ada yang orang lain tak dok”.*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

*“Langkah yang saya ambil adalah dengan memasukkan gambar-gambar yang berkaitan dengan telepuk dan cara pembuatannya. Di khayalak ramai terutamanya jika terdapat program-program berkaitan dengan seni warisan yang diadakan dimana-mana tempat contohnya Muzium Negeri Terengganu”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

Oleh itu, kemudahan teknologi dalam menyampaikan sesuatu maklumat dapat dipertingkatkan dengan penggunaan media baharu. Perkara ini merupakan langkah yang telah diambil oleh para pempengaruh di Terengganu dalam memulihara warisan supaya masih kekal sehingga ke hari ini. Dengan demikian, daya penciptaan kandungan yang baik dan positif juga telah menyumbang kepada pemuliharaan warisan.

#### 4.3.4.1 Daya penciptaan kandungan

Menurut para pempengaruh media sosial di Terengganu (2023) telah menyatakan bahawa daya penciptaan sesebuah kandungan atau *content* yang menarik, mempunyai nilai-nilai positif dan memfokuskan satu kandungan sahaja dengan tidak mencampur adukkan kepelbagaiannya. Hal ini kerana, penghasilan yang menarik dan ketepatan kandungan dalam video akan melambangkan identiti seorang pempengaruh.

*“Bagi saya, penciptaan content bergantung kepada cara penyampaian seseorang pempengaruh iaitu mestilah jelas dan menarik”*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Kebanyakkan influencer mengetahui apa yang boleh membuatkan sesebuah content itu mendapat sambutan tinggi. Selain nilai-nilai yang positif influencer haruslah mengenal pasti isu-isu teknikal seperti “average time spent”, “percentage of view on first 3 seconds”, dan lain-lain.”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Pempengaruh perlu merancang untuk menghasilkan content yang menarik supaya mendapat sambutan yang tinggi. Sebagai contoh boleh je buat pasal solidariti Gaza, hal ini dapat menimbulkan kesedaran kepada follower mereka. Perkara sebegini kita juga boleh lakukan untuk memulihara warisan namun saya tekankan disini kita sebagai pempengaruh haruslah mempunyai penyediaan yang rapi untuk memulihara warisan, jangan main-main”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Apa yang difokuskan oleh saya adalah masa, kualiti video supaya dok nampok bosan and then aa macam saya depends on audiens yang minat dari segi arah apa. Macam saya audiens minat loghat, jadi jangan aa change, nanti kita tak dok identity, kejap cakak gini, kejap cakak gini. Jadi peminat pun*

*dok leh. Kita kena fokus satu je contoh saya loghat dan warisan macam permainan tradisional kita fokus hok tu...jangan bila kita dah famous kita nok tukor aa nok jadi make-up pulok haa dok leh aa “.*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

*“Fokus saya dalam menghasilkan content adalah untuk menarik minat ramai orang dalam pembuatan telepuk dan pada masa yang sama saya nak pastikan telepuk ni dapat diketahui oleh orang ramai, sebab apa? Kebanyakkan orang zaman sekarang dok kenal telepuk itu mende...jadi dengan usaha yang saya buat dengan Yayasan Hasanah ni harap dapat lebih ramai yang berminat dan mengetahui mengenai seni warisan ini”*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

#### **4.3.5 KERJASAMA DENGAN PELBAGAI PIHAK**

Sokongan daripada pelbagai pihak juga merupakan salah satu langkah yang harus diberi keutamaan terhadap pemuliharaan warisan di Negeri Terengganu. Perkara ini bukan sahaja mampu menaikkan semangat cinta akan warisan negeri malah dapat membentuk salah satu bentuk kecaknaan pelbagai pihak dalam menguruskan hal yang berkaitan warisan. Hasil temu bual para pempengaruh media sosial, mereka telah menyatakan bahawa segelintir pihak sahaja yang telah melibatkan diri dalam pemuliharaan warisan ini. Sebagai contoh, pihak Muzium Negeri, Yayasan Hasanah, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, stesen radio Molek FM dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu.

##### **4.3.5.1 PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Pihak berkuasa tempatan juga memainkan peranan penting dalam pemulihraan warisan hal ini disokong oleh beberapa pempengaruh iaitu:

*“Ada, acara Kampung Budaya di Muzium Negeri Terengganu”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Ada, antaranya dibawah hm Kampung Budaya di Muzium Negeri Terengganu, Yayasan Hasanah dan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

*“Setakat ini adalah juga antaranya Molek FM kerana kadang kala saya menjadi DJ di radio”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Ada, setakat ni dengan Pejabat Daerah Hulu Terengganu untuk mengtengahkan lagi apa yang ada di Kuala Berang sebab Kuala Berang ni banyak sangat tempat-tempat explore dia bukan setakat sejarah tapi sejarah dan keunikkan yang dia ada”.*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

Namun ada seorang pempengaruh yang tidak diberi perhatian dan tidak terlibat dengan pihak berkuasa tempatan iaitu Informan 3 yang telah menyatakan bahawa dia tidak aktif dalam penglibatan bersama pihak berkuasa tempatan.

*“Tiada setakat ini”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

#### **4.3.5.2 KERJASAMA DENGAN PEMPENGARUH LUAR NEGARA**

Menurut hasil temu bual pengkaji bersama pempengaruh, secara keseluruhannya mereka tidak pernah lagi berkolaborasi bersama dengan pempengaruh luar negara untuk memulihara warisan negeri kepada peringkat yang lebih tinggi. Namun mereka pernah melibatkan diri dengan agensi-agensi tempatan dalam merealisasikan warisan mengikut perspektif dan cara mereka sendiri.

*“Setakat ini tiada, namun saya berpeluang berkerjasama dengan pelbagai jenama dan Syarikat di Malaysia dan Indonesia”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Kerjasama dengan luar negara saya tiada terlibat, namun saya ada berkolaborasi dengan talian Hotlink dan Maxis iaitu kempen hashtag Bikin Sampai Jadi”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Setakat ini mungkin tiada kerjasama dengan pempengaruh luar negara dalam memartabatkan warisan”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Tiada lagi setakat ning”*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

Bukan itu sahaja, penglibatan pempengaruh dalam media sosial telah menyebabkan mereka mengikuti persembahan seni warisan diluar negara. Hal ini, telahpun menyumbang kepada pemuliharaan warisan ke peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, pempengaruh seni telepuk telah mempersembahkan seni tekstil ini di luar negara.

*“Setakat ni kerjasama dengan negara luor tu tak dok lagi lah, tapi seni telepuk ni pernah dipersembahkan di luar negara”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

#### 4.3.6 ANUGERAH KHAS


Berdasarkan kajian lapangan yang pengkaji dapati melalui temu bual bersama dengan 5 orang informan, data yang diperolehi mengenai pemuliharaan warisan melalui pempengaruh di Terengganu merangkumi beberapa soalan antaranya yang berbunyi *“Adakah terdapat anugerah khas kepada anda”*. Boleh dikatakan bahawa daripada 5 orang informan terdapat seorang sahaja yang menerima anugerah daripada Yayasan Hasanah iaitu Anugerah Benang Emas Hasanah 2023 bagi penglibatan beliau dalam pemuliharaan seni telepuk. Hal ini disokong oleh informan 5 iaitu:

*“Ada, saya pernah mendapat Anugerah Khas oleh Yayasan Hasanah iaitu Anugerah Benang Emas Hasanah 2023 pada 16 September 2023”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

### 4.3.7 Kerangka Teori

Kerangka Teori ini merupakan perkaitan dengan objektif kedua iaitu membincangkan peranan pempengaruh dalam memulihara warisan. Perkaitan kerangka adalah seperti dibawah:



Rajah 4.1: Kerangka Teori

McQuail menyatakan dalam Teori Komunikasi Massa (2002) mengenai media massa yang berkembang dan telah menghubungkan antara media dan masyarakat. Hal ini dikatakan bahawa, media massa ini berkembang dalam lingkungan masyarakat dengan menggunakan *event* atau isu-isu sebagai *content* atau kandungan untuk kegunaan masyarakat. Oleh itu, McQuail menjelaskan dalam teori ini berkenaan hubungkait media dan

masyarakat melalui empat perspektif. Antaranya, perspektif media budaya, perspektif media material, perspektif media sosiobudaya dan perspektif sosial material:

1. **Perspektif media budaya** yang menghubungkan anggota masyarakat dan contoh budaya serta mendalamai makna subjektif dari pengalaman bagi memahami sesuatu konteks tertentu. Penyampaian warisan melalui media baharu menerusi pempengaruh kini telah menguasai media sosial dengan begitu agresif. Budaya dapat diterapkan bukan sahaja melalui tradisi lisan malah media sosial juga mampu dalam memartabatkan warisan kita. Pempengaruh telah memainkan peranan dalam menyatukan budaya warisan terhadap masyarakat dengan menghasilkan “content” yang menarik. Hal ini telah berjaya menonjolkan pengalaman pempengaruh mengenai skop warisannya dalam konteks seperti penggunaan dialek atau loghat sesebuah daerah dalam menyampaikan maklumat. Bukan itu sahaja, pempengaruh juga sering memuat naik gambar atau video makanan warisan serta tempat-tempat warisan yang jarang ditemui oleh masyarakat. Kandungan yang disampaikan dapat menarik minat masyarakat untuk terus mengenali dan menghargai sesebuah warisan. Penyatuan antara pempengaruh dan masyarakat telah menunjukkan bahawa media baharu dapat membantu dalam pemuliharaan warisan.
2. **Perspektif media material** yang menekankan pembentukan *content* dan memberikan kesan pada ciri-ciri media yang berkaitan dengan teknologi,sosial dan dinamik bagi menentukan hubungan sosial dari penerimaan media baharu. Sebagai contoh ciri-ciri dari segi pembuatan video,gambar statik,sketsa dan vlog. Hal ini bukan sahaja dapat menarik perhatian *audiens* malah

cara penyampaian dari perspektif ini lebih efektif kerana manusia lebih cenderung untuk menggunakan pancaindera mata untuk melihat kandungan yang disampaikan secara visual daripada melakukan pembacaan terhadap sesuatu perkara. Hal ini kerana sebarang aktiviti yang berkaitan dengan memerhati, kotak pemikiran akan menerima dan disimpan bagi pemprosesan maklumat (Stenberg, 2003). Oleh itu, cara ini akan memudahkan pempengaruh dalam menyampaikan maklumat mengenai warisan dengan berkesan dan mudah.

3. **Perspektif sosiobudaya** iaitu meletakkan media dan pengalaman pempengaruh dalam mempengaruhi masyarakat. Gaya hidup pempengaruh juga telah menimbulkan pengaruh sehari-hari kepada masyarakat. Hal ini kerana, pengaruh media sosial dapat memberikan impak kepada masyarakat dengan cara melihat kecederungan pempengaruh yang diikuti oleh mereka dalam media sosial. Justeru itu, pembangunan dalam sosisobudaya telah dieratkan oleh pempengaruh melalui “posting” mereka dalam media sosial. Sebagai contoh, pempengaruh menerangkan mengenai latar belakang budaya Terengganu kepada khalayak mengenai tempat-tempat warisan, serta penggunaan dialek semasa melakukan video atau siaran langsung di media sosial telah menyebabkan komuniti merasa dekat dan ingin mengetahui lebih lanjut akan dialek yang digunakan. Selain itu, pempengaruh juga telah melibatkan komuniti setempat dalam memulihara warisan iaitu dengan mengadakan program dikawasan sekitar mereka dan di lokasi yang mudah dikunjungi oleh masyarakat. bukan itu sahaja, pempengaruh juga telah mengisi media sosialnya dengan hal-hal warisan seperti makanan yang jarang diketahui umum serta pembuatannya. Makanan

warisan sememangnya sukar dipulihara kerana keaslian tidak akan sama persis seperti nenek moyang kita dahulu. Namun dengan pemuliharaan makanan secara kecil-kecilan oleh pempengaruh sedikit sebanyak akan menyumbang kepada masyarakat untuk merasai nikmatnya makanan warisan.

4. **Perspektif sosial material** pula adalah suatu pandangan yang kritis terhadap pemilikan dan pengawalan media yang akan membentuk kepada sebuah ideologi dominan melalui media yang disiarkan. Dengan demikian, pempengaruh telah mencipta sebuah ideologi bagi menanam sifat menghormati budaya dan warisan yang terdapat dalam negeri Terengganu melalui penghasilan *content* yang dipaparkan pada media sosial. Oleh itu, masyarakat negeri Terengganu akan merasa bangga dengan warisan-warisan yang ada dalam negeri mereka dan bukan itu sahaja, hal ini akan melahirkan sebuah masyarakat yang cakna dan melestarikan warisan.

Hasil dapatan analisis kajian menunjukkan bahawa media baharu dapat membantu dalam memulihara warisan menerusi pempengaruh media sosial. Hal ini, telah memberi impak kepada warisan melalui pendidikan tidak formal. Menurut *The Campaign for Learning* (2014), pembelajaran tidak formal adalah salah satu proses penglibatan yang aktif dengan menyelit pelbagai pengalaman. Perkara ini merupakan pemahaman masyarakat mengenai dunia berdasarkan keinginan mereka. Penglibatan ini mungkin berlaku melalui pembangunan atau pengukuhan kemahiran, pengetahuan, pemahaman, kesedaran, nilai, idea, dan perasaan atau peningkatan kapasiti untuk berfikir. Perkara ini juga telah dipersetujui oleh responden hasil temu bual yang menyatakan bahawa pempengaruh telah memberi impak yang positif terhadap media baharu. Mereka telah menghasilkan *content* yang memberi nilai-nilai warisan juga pengetahuan mengenai pemuliharaan warisan. Dalam pada masa yang sama, pendidikan warisan dapat dipertingkatkan dengan

bantuan pempengaruh media sosial. Oleh hal yang demikian, peranan pempengaruh telah memberikan impak yang positif kepada masyarakat setempat mahupun di luar negeri mengenai warisan, ini juga dapat membantu pempengaruh untuk memulihara warisan supaya tidak lapuk dek zaman.

Selain itu, institusi budaya juga perlu memainkan peranan dalam menyebarkan nilai-nilai budaya secara cepat dan mudah dengan menggunakan media baharu sebagai salah satu alternatif dalam penyampaian maklumat. Hal ini juga telah disokong oleh responden seni telepuk yang merupakan salah seorang artis pempengaruh seni hiasan yang menggunakan media baharu seperti *Facebook* sebagai medium untuk mempromosikan seni telepuk supaya warisan ini tidak tenggelam ditelan arus kemodenan. Zaman teknologi haruslah digunakan sebaik mungkin supaya penyampaian ini akan terus berlangsung walaupun mereka hanya melihat melalui maya. Kandungan yang dicipta oleh pempengaruh ini telah menarik minat beberapa remaja untuk menyertai program yang dianjurkan oleh perbadanan mahupun institusi kebudayaan. Penyertaan ini juga telah diuar-uarkan melalui media sosial miliknya dan hal ini sangat membantu pempengaruh dalam pemuliharaan warisan. Oleh hal yang demikian, pempengaruh itu berfungsi untuk menyebarkan nilai-nilai budaya secara cepat dan mudah.

Menurut Adlina Abdul Khalil (2018) yang menyatakan bahawa interaksi sosial sangat penting dalam sesebuah negara yang memiliki pelbagai etnik dan perpaduan akan terjamin. Intergrasi dapat dicapai melalui media sosial sebagai penghubung untuk berkomunikasi dengan masyarakat dan tercetusnya interaksi sosial dalam kalangan media sosial. Penyampaian *content* kepada masyarakat mengenai warisan dapat dilakukan secara efektif dan jelas. Hasil temu bual juga telah menunjukkan bahawa media sosial telah memberikan kesan positif terhadap pemuliharaan warisan. Selain itu, pempengaruh juga telah

menjelaskan bahawa mereka dapat berinteraksi dengan pengikut-pengikutnya dengan lebih dekat melalui medium “*live*” atau secara langsung. Hal ini demikian kerana, “*live*” merupakan inisiatif mereka sebagai pempengaruh untuk merasa lebih dekat dengan pengikut-pengikutnya. Dalam pada masa yang sama, pelbagai soalan mengenai warisan juga turut terjawab dan perkara ini telah menunjukkan bahawa peranan pempengaruh dalam pemuliharaan warisan mampu dilaksanakan melalui media baharu.

Dalam era kini, pengaplikasian secara digital juga dapat membantu dalam pemuliharaan warisan. Sosial media juga, telah menjadi sebahagian daripada kehidupan sehari-hari masyarakat kini yang banyak bergantung kepada teknologi digital. Pemuliharaan warisan digital melalui media sosial banyak memberi keuntungan kepada pempengaruh dalam mempromosikan warisan dengan lebih luas. Hal ini, teknologi digital dapat dimanfaatkan dan dipergiatkan oleh pempengaruh media sosial. Strategi ini dianggap berkesan pada era digitalisasi kerana media sosial adalah satu pengaplikasian yang sangat efektif dan mudah diakses untuk masyarakat mengenali warisan dengan lebih dekat. Beberapa jenis aplikasi digital dan media sosial yang membolehkan warisan ini dapat dipromosikan adalah Pinterest, Instagram, Facebook, Tik Tok dan lain lain. Menurut hasil temu bual pengkaji dengan para pempengaruh, mereka telah menyatakan bahawa penggunaan Tik Tok merupakan media sosial yang sering digunakan oleh mereka, hal ini kerana

#### 4.4 CADANGAN PEMULIHARAAN WARISAN

Hasil temu bual pengkaji dengan 5 orang informan di kajian lapangan telah memperolehi data mengenai cadangan mereka bagi memulihara warisan negeri supaya dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Antara cadangan yang dikemukakan oleh mereka adalah seperti berikut:

*“Pemerhatian saya, untuk mendapat tempat di dalam media sosial seseorang pempengaruh atau pencipta content perlu berprinsip dan cuba mencari kelainan”*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Bagi saya, menyediakan info dan bajet kepada mereka”*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Bagi saya, influencer ni perlu ada kreativiti dia yang tersendiri dalam penghasilan content sebab dari situ dia dapat tarik pengikut dia untuk sama-sama dalam memastikan warisan ni dok hilang”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

*“Antara cadangan yang dapat membantu pempengaruh dalam menggunakan media baharu sebagai alat bagi memulihara warisan sebagai pempengaruh perlulah membuat content yang lain daripada yang lain dan mempunyai nilai positif dan nilai kesedaran supaya dapat menarik minat pengikut menghayati video-video yang dihasilkan”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Bagi saya, untuk pempengaruh kalau tak dok modal dok leh wak mende, jadi yang perlu ketengahkan kita punya warisan adalah orang yang bertanggungjawab. Macam daerah kita ning, Pejabat Daerah dia perlu buat pertandingan ke apa supaya orang tu rasa minat dan orang tu rasa perlu belajar. Macam kat sekuloh ke? Sometime, cuba selit sikit er pertandingan permainan tradisional supaya orang tahu, jadi macam kita nok anjurkan mungkin kita mengambil masa yang lama untuk jadi content creator yang betul betul , lorang kata success untuk kita boleh melabur sendiri hmm buat masa sekarang saya tak mampu lagi melabur sendiri jadi saya kena kerjasama dengan agensi-agensi laa. Jadi saya kalau masuk meeting saya memang ketengahkan kita punya warisan. Kenapa kita dok tukor permainan tu untuk orang lain boleh main, bukan sebab masuk sebab dok pandai...haa...”*

## (I4. Pempengaruh Loghat Hulu Terenggannu)

Berdasarkan jawapan dari pempengaruh, pengkaji mendapati bahawa cadangan pemuliharaan warisan ini wajar diberi perhatian oleh pelbagai pihak. Individu atau pempengaruh juga perlulah mempunyai kreativiti, nilai-nilai positif dan pengolahan *content* yang berlainan. Bukan itu sahaja, pihak sekolah juga bertanggungjawab dalam memulihara warisan kita di peringkat pendidikan dengan menyelitkan aktiviti tradisional dan menubuhkan kelab mencintai warisan kita supaya para pelajar dapat menghargai warisan sejak dibangku sekolah, seperti kata pepatah “*Melentur buluh biarlah dari rebungnya*”. Malahan pihak kerajaan juga perlulah memainkan peranan penting dalam menjaga warisan kita supaya tak lapuk dek zaman. Hal ini, pihak kerajaan perlulah menyumbangkan sedikit modal untuk pempengaruh merealisasikan impian mereka dalam memulihara warisan.

Soalan seterusnya membincangkan mengenai strategi khusus bagi pempengaruh mengalakkkan kesedaran atau minat mereka terhadap warisan. Hasil temubual dengan 5 orang informan telah menjelaskan bahawa kreativiti sangat penting dalam penghasilan *content* yang menarik, kerana perkara ini akan menimbulkan minat dan kecederungan yang tinggi dalam memudahkan penyampaian nilai-nilai warisan di media sosial untuk tatapan generasi kini.

*“Sekali lagi, kreativiti sangat memainkan peranan yang penting. Content yang boleh menyentuh perasaan masyarakat cenderung akan mendapat sambutan yang tinggi dan secara tidak langsung akan memudahkan penyampaian nilai-nilai ini pada masyarakat”*

## (I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Kreativitilah bagi saya, sebab kalau pempengaruh tak dok idea, sesbuah content tu akan jadi hambar dan tidak menarik untuk follower kita tengok. Content tu jugok haruslah mempunyai nilai-nilai yang baik lah...”*

## (I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

*“Macam yang saya kabo tadi...setiap content yang dihasilkan perlu menarik...dari situ dia mampu menambat hati pengikut dengan content-content yang bermanfaat. Pada masa yang sama dia boleh ajak pengikut dia sama-sama memelihara warisan ni”.*

## (I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

*“Seperti yang saya bagitau sebentar tadi, strategi yang khusus bagi pempengaruh bagi mendapatkan galakkan kesedaran atau minat terhadap warisan adalah dengan menghasilkan video yang memberi tahap kesedaran yang tinggi dalam diri generasi muda seperti video warisan telepuk yang mana ramai generasi tidak tahu. Dengan penyampaian maklumat seperti ini pelajar dapat menyunting ilmu warisan untuk kegunaan masa hadapan dan boleh mempengaruhi pemikiran mereka”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Tidak pasti, kena cuba dan teliti beberapa cara dan fokus pada cara yang paling berkesan berdasarkan hasil kajian”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

Soalan ini merupakan item yang penting dan berkaitan dengan langkah-langkah penglibatan influencer secara langsung dalam penggunaan media sosial bagi memulihara warisan. Soalannya berbunyi “*bagaimakah pempengaruh menggunakan media sosial untuk penglibatan secara langsung dalam usaha memulihara warisan*”. Kita yakin bahawa pempengaruh mempunyai pelbagai cara untuk memulihara warisan dengan menggunakan media baharu. Antara langkahnya adalah dengan melakukan sketsa yang menarik bagi menambat hati para pengikutnya.

*“Berdasarkan pengalaman dan konsep content saya, saya lebih menggunakan loghat didalam sketsa saya”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

Selain itu, mereka juga mengemukakan idea untuk memulihara warisan dengan menggunakan media baharu adalah melakukan vlog untuk memperkenalkan tempat warisan dan budaya yang ada di negeri mereka dan melakukan siaran langsung di media sosial. Hal ini akan menarik minat pelancong dan pengunjung dari luar negeri dan negara untuk mengunjungi tempat-tempat di Terengganu yang kaya dengan warisan.

*“Buat aktiviti contoh review tempat warisan dan budaya bersama pengikut”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Saya menggunakan media sosial untuk penglibatan pengikut secara langsung dalam usaha memulihara warisan dengan penghasilan loghat Hulu Terengganu di Tiktok dan Instagram”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Berdasarkan pengalaman, saya akan hasilkan content-content yang jelas dan straight to the point. Supaya pengikut saya lebih faham apa yang saya ingin sampaikan”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

*“Macam saya lah op, saya ning lebih kepada memperkenalkan Hulu Terengganu dari segi Loghat dan makanan warisan, tapi dalam masa yang sama saya juga ada jugok berkongsi mengenai tempat-tempat menarik di Hulu Terengganu ni dan saya balik ke kampung halaman semata-mata untuk menonjolkan lagi warisan di sini”.*

(I4. Pempengaruh Loghat Terengganu)

Soalan yang dikemukakan adalah berbunyi “*Adakah pempengaruh dapat memastikan content yang dihasilkan berkualiti dan tepat dalam mempromosikan warisan yang ditonjolkan*”. Persoalan ini juga telah dipersetujui oleh kelima-lima informan yang menyokong bahawa kualiti dalam penghasilan kandungan media sosial mampu mempromosikan warisan yang ingin ditonjolkan kepada khalayak umum. Selain itu, penyusunan strategi dalam penghasilan content juga dapat membantu pempengaruh untuk menguar-uarkan warisan negeri. Hal ini disokong oleh mereka iaitu:

*“Ya, strategi yang baik akan berjaya”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Ya, pempengaruh yang berkualiti dapat menarik attention yang berkualiti”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Ya, saya yakin dengan usaha dan kreativiti content mengenai pemuliharaan warisan mampu ditonjolkan”.*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

*“Ya, content yang bermanfaat dan kreatif pasti dapat tarik minat orang ramai”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

*“Ya, untuk memastikan content yang dihasilkan berkualiti dan tepat dalam mempromosikan warisan yang ditonjolkan adalah dengan merangka strategi yang baik agar videonya berkualiti”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

#### 4.5 PENGIKTIRAFAN

Walaubagaimanapun, pengiktirafan terhadap pempengaruh media sosial tidak diberikan. Hal ini disokong oleh informan-informan hasil dari temu bual di kajian lapangan.

*“Tiada, so far hanya posting ucapan tahniah oleh MB Terengganu atas usaha saya menghasilkan mural saya terbesar di Kuala Terengganu hasil kolaborasi dengan Maxis dan juga kolaborasi hasil karya seni dengan Maybank”.*

(I1, Pempengaruh Pelukis Mural)

*“Tiada”*

(I4, Pempengaruh Loghat Hulu Terengganu)

*“Tiada setakat ini”.*

(I3, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Tiada”.*

(I2, Pempengaruh Loghat Terengganu)

*“Tiada, namun saya mendapat anugerah daripada Yayasan Hasanah iaitu Anugerah Benang Emas Hasanah 2023”.*

(I5, Pempengaruh Seni Telepuk)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

#### 5.1 Perbincangan

Bab ini adalah merupakan bab yang terakhir yang merumuskan mengenai keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Kajian ini menganalisis berkaitan dengan pemuliharaan warisan melalui media baharu oleh pimpengaruh di negeri Terengganu. Kajian ini merangkumi pengenalan, sokongan dari kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu serta metodologi kajian iaitu kaedah pengumpulan. Kaedah analisis yang dipilih akan membentuk hasil akhir pada dapatan kajian yang diperoleh daripada proses pengumpulan data tersebut. Rumusan daripada kajian ini melibatkan analisis mengenai bentuk-bentuk media baharu, peranan pimpengaruh dalam memulihara warisan dan cadangan pemuliharaan warisan yang perlu dilaksanakan oleh mereka melalui penggunaan media baharu.

Bab 1 membincangkan mengenai pengenalan kajian yang merangkumi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan organisasi penulisan. Media baharu diaplikasikan bagi menerangkan kemunculan jaringan teknologi informasi dan komunikasi dengan jelas, padat dan cepat. Kajian ini penting kerana kita berada di zaman teknologi yang serba canggih dan kemunculan media baharu dapat membantu pimpengaruh dalam memulihara warisan dengan baik. Justeru, penglibatan pimpengaruh dalam kajian ini dapat memastikan warisan nenek moyang kita dijaga dan dikekalkan kepada generasi kini. Kaedah kajian dalam bab ini membincangkan cara yang sesuai digunakan bagi proses pengumpulan data agar membantu pengkaji memperoleh ketepatan data bagi mencapai objektif kajian.

Bab 2 juga membincangkan tentang kajian literatur dan pembentukan kerangka teori bagi kajian ini. Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan ilmiah mengenai perihal media baharu, pimpengaruh dan juga media sosial

yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kajian literatur merujuk kepada kajian-kajian lepas seperti buku,jurnal, dan artikel bagi mengukuhkan lagi maklumat kajian yang dijalankan. Sorotan kajian lepas telah dikenal pasti sebanyak 20 lebih sorotan daripada pengkaji terdahulu berkenaan dengan pemuliharaan warisan, media baharu, media sosial dan pempengaruh. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kerangka teori komunikasi massa oleh Mc Quail (2002) bagi mengetahui lebih lanjut mengenai media baharu dan perkembangannya. Namun begitu, kajian ini adalah kajian pertama yang mengkaji mengenai Pemuliharaan warisan melalui media baharu dan kajian keatas pempengaruh media sosial di Terengganu.

Seterusnya, metodologi kajian dan kaedah menganalisis data telah dibahagikan secara terperinci dalam bab 3. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapat pencerahan daripada para pempengaruh diTerengganu. Malah kajian ini juga menggunakan dua teknik untuk mengumpul data iaitu dataprimer dan data sekunder. Data primer mengandungi data yang dikumpul daripada hasil temubual manakala data sekunder pula, diperoleh daripada sumber data yang dikumpul secara tidak langsung melalui rujukan ilmiah iaitu buku, jurnal, artekal, dan tesis samada secara kepustakaan mahupun digital bagi mengukuh dan mendukung lagi kajian mengenai kajian pengkaji.

Bab 4 membincangkan hasil dapatan yang diperoleh melalui kaedah temu bual. Hasil temu bual dianalisis dengan mengupas semula pemahaman dan penerangan yang dikongsi oleh informan tentang perihal pemuliharaan warisan menerusi media baharu oleh para pempengaruh di Terengganu. Hal ini kerana, data temu bual merupakan data yang terpenting dalam menyokong ketepatan kajian yang dilaksanakan. Seterusnya,penggunaan Teori Komunikasi Massa oleh McQuail (2002) juga digunakan dalam bab ini dengan mengaitkan segala data yang diperolehi untuk mendapatkan keselarasan kajian dalam pemuliharaan warisan menerusi media baharu melalui pempengaruh media sosial. Oleh itu, pempengaruh media sosial haruslah memainkan peranan dalam pemuliharaan warisan ini.

Pada akhir kajian ini, pengkaji merumuskan analisis yang terdapat dalam bab-bab yang sebelumnya. Aspek lain juga turut dikemukakan iaitu rumusan

melalui kajian yang dijalankan di Terengganu. Selain itu, pengkaji juga memberi beberapa cadangan yang dinyatakan untuk dijadikan panduan kepada pengkaji lain yang ingin melakukan kajian pada masa akan datang.

## 5.2 Cadangan daripada hasil kajian

Pengkaji dapat membuat refleksi daripada kajian pemuliharaan warisan melalui media baharu, kajian keatas pimpengaruh media sosial di Terengganu. Pengkaji berharap agar segala analisis dan dapatan yang diperolehi ini adalah sahih dan sekali gus dapat menambah koleksi rujukan untuk pemkaji baru yang akan datang.

### 5.2.1 Cadangan kepada pengkaji yang akan datang

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu, terdapat beberapa cadangan yang boleh diunsurkan kepada pengkaji yang akan datang seperti mengemaskini data-data yang terbaharu bukan sahaja menggunakan data yang sedia ada sebagai rujukan penyelidikan. Pengkaji akan datang dicadangkan untuk menggunakan dan membuat pemilihan kaedah teori yang betul untuk mendapat data yang lebih terperinci bagi mencapai objektif kajian. Bukan itu sahaja, pemilihan tempat kajian yang bersesuaian juga perlu dititikberatkan untuk memperolehi data mentah yang sahih dan mudah untuk mencari orang sumber. Oleh itu, pengkaji berharap agar pengkaji yang akan datang dapat membuat kesinambungan daripada kajian mengenai pemuliharaan warisan menerusi media baharu , kajian ke atas pimpengaruh media sosial.

### 5.2.2 Cadangan promosi menerusi media massa

Selain itu, pengkaji juga berhasrat untuk memberi cadangan kepada pihak media massa. Berdasarkan analisis penyelidikan yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan Tiktok merupakan platform yang menjadi tumpuan golongan muda kini. Hal ini dengan penggunaan platform sebegini, sedikit sebanyak dapat mengetengahkan warisan dan budaya

di Terengganu. Oleh itu, dengan penyiaran di dalam platform sebegini golongan muda boleh melihat dengan jelas akan sesuatu bentuk warisan budaya yang terdapat disekeliling mereka dan mereka lebih menghargainya.

### 5.2.3 Cadangan kepada institusi pendidikan

Seterusnya, pengkaji juga berhasrat agar institusi pendidikan khususnya pensyarah, pendidik, pelajar dan mahasiswa. Cadangan ini perlulah diterapkan seawall dibangku sekolah rendah supaya mereka lebih mengetahui warisan-warisan yang terdapat dalam negara mereka. Hal ini dapat memupuk semangat mereka untuk lebih mencintai warisan dan memulihara sebaik mungkin. Apabila kajian sebegini dibuat, ia akan memberi kebaikan kepada generasi yang akan datang untuk mengetahui keunikan seni warisan budaya yang banyak mempengaruhi cara fikir masyarakat dahulu. Bukan itu sahaja, ia juga boleh dijadikan sebagai bahan untuk pelajaran dengan menciptakan sebuah buku yang melambangkan warisan. Hal ini dapat melahirkan ramai lagi pelajar di peringkat sekolah rendah mahupun menengah, graduan dan pensyarah yang lebih berilmu pengetahuan dalam bidang warisan dan budaya. Jelaslah institusi pendidikan memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan warisan di negara kita.

## 5.3 Rumusan

Kajian ini merupakan kajian pemuliharaan warisan melalui media baharu dan kajian keatas pempengaruh media sosial di Terengganu. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti bentuk-bentuk media baharu yang dapat digunakan untuk memartabatkan warisan, membincangkan peranan pempengaruh dalam memulihara warisan dan menghuraikan cadangan pemuliharaan warisan yang perlu dilaksanakan oleh pempengaruh menerusi penggunaan media baharu. Sepanjang tempoh kajian ini dijalankan, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah temubual. Dimana penyelidik telah memilih 5

orang informan dari kalangan pempengaruh media sosial di Terengganu untuk ditemubual.

Hasil daripada temubual, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa pemuliharaan warisan melalui media baharu dapat membantu dalam menjaga warisan negara kita. Hal ini kerana, anak muda lebih gemar mencari maklumat melalui media sosial dan kurang dalam pembacaan. Disamping itu, pempengaruh sangat penting dalam memainkan peranan bagi memulihara warisan dari sudut skop *content* atau kandungan yang dibuat oleh mereka bagi menarik ramai golongan untuk bersama-sama menjaga warisan kita.

Selain itu, kajian ini juga berupaya mengetengahkan warisan nenek moyang kita kepada generasi akan datang. Hal ini dikatakan bahawa, media baharu mampu memberikan maklumbalas, lebih cepat dan tepat. Hal ini kerana pempengaruh juga dari kalangan masyarakat dan mereka lebih dekat dengan pengikut. Namun, pempengaruh media sosial daripada skop pemuliharaan warisan ini layak diberi pengiktirafan kerana kreatif dalam membantu pihak kerajaan memulihara warisan sedia ada di Malaysia supaya tidak ditelan lapuk dek zaman.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Cahyono. "Pengaruh Media Sosial Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat Di Indonesia." *BINUS UNIVERSITY School of Information System*, 2016.
- Carr, C. T., and Hayes, R. A. *Social Media: Defining, Developing, and Divining. Atlantic Journal of Communication*, vol. 23(1), 2015.
- De la Torre, Marta. "Values and Heritage Conservation." *Heritage & Society*, vol. 6, no. 2, Nov. 2013, pp. 155–166,
- Geyser, Werner. "What Is an Influencer? - Factors That Define a Social Media Influencer." *Influencer Marketing Hub*, 24 Mar. 2023, influencermarketinghub.com/what-is-an-influencer/.
- Heritage Meaford. "What Is Heritage Conservation? A Brief Overview | Heritage Meaford." *Www.heritagemeaford.com*, 2023,
- Historic England. "Heritage Conservation Defined | Historic England." *Historicengland.org.uk*, Historic England, 2019,
- Jendela Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Padanan Untuk Istilah 'Digital Influencer' Ialah Pempengaruh Digital. JendelaDBP portal.
- Mustafa.A.F., (2015, Februari 14). Bijak manfaatkan media baharu. Berita Harian.
- Mcquail, Denis. *McQuail's Mass Communication Theory*. London; Thousand Oaks, Calif., Sage Publications, 2005.
- McQuail, D. (1987). Mass communication theory: An introduction. Sage Publications, Inc
- McQuail, D. (1977). The influence and effects of mass media. *Mass communication and society*.
- Noor.S, Khasbullah.A, Mahiyaddin.R, Ani. S. "PENGGUNAAN MEDIA BAHARU SEBAGAI MEDIUM PENYAMPAIAN AGAMA ISLAM." 2019.
- Prof Dr Ahmad Zamzuri Mohammad Ali. *Pempengaruh Semakin Diperlukan Bantu Pasar Produk, Khidmat*. 2022.

Rosly, Roslan. "Pengaruh Pempengaruh Mana Yang Kita Perlukan?"

*DagangNews*, 2022.

Yuszaidy, Mohd, et al. "IMPAK MEDIA BAHARU TERHADAP SISTEM

NILAI MASYARAKAT MELAYU DI MALAYSIA." *Jurnal*

*Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid*, vol. 31, no. 2,

2015.

UNIVERSITI  
[redacted]  
MALAYSIA  
[redacted]  
KELANTAN

## LAMPIRAN A

### SOALAN TEMU BUAL

#### **TAJUK: PEMULIHARAAN WARISAN MENERUSI MEDIA BAHRU: KAJIAN KE ATAS PEMPENGARUH MEDIA SOSIAL**

#### **BAHAGIAN A**

- 1) Apakah yang anda faham mengenai media sosial?
- 2) Apakah yang anda faham mengenai media bahru?
- 3) Apa pendapat anda mengenai penggunaan media sosial dalam media bahru?
- 4) Apakah bentuk-bentuk media yang terbaik dalam menyampaikan maklumat mengenai pemuliharaan warisan?
- 5) Apakah bentuk media itu sesuai untuk menarik minat masyarakat dalam memulihara warisan?
- 6) Apa pendapat anda sebagai influencer, jika pemuliharaan warisan dilakukan secara “live” di media sosial?
- 7) Adakah anda bersetuju media bahru dapat digunakan untuk memartabatkan warisan kepada generasi muda? Jika YA, nyatakan pendapat dan contoh.
- 8) Apakah penggunaan media bahru dapat menimbulkan kesan positif atau negatif kepada pengguna berbanding pendekatan tradisional dalam pemuliharaan warisan?
- 9) Apakah contoh strategi yang boleh digunakan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan media bahru dalam memulihara warisan?

#### **BAHAGIAN B**

- 1) Apakah yang anda faham mengenai influencer?
- 2) Bagaimanakah influencer dapat membantu dalam mempromosikan warisan bagi memuliharanya?
- 3) Apakah populariti influncer memainkan peranan penting dalam memulihara warisan?
- 4) Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang influncer bagi membantu mereka dalam memulihara warisan?

- 5) Sebagai influncer, adakah terdapat cabran yang perlu dihadapi bagi memartabatkan warisan?
- 6) Bagaimanakah influncer mengambil langkah dalam menjalankan tanggungjawab demi memulihara warisan? (dalam skop anda)
- 7) Dalam mencipta content / kandungan apakah yang difokuskan oleh influncer?
- 8) Adakah terdapat Kerjasama influncer dengan pihak berkuasa tempatan (Terengganu) dalam memperkasakan warisan? Jika ada nyatakan serta contoh.
- 9) Adakah terdapat anugerah khas kepada anda?
- 10) Adakah terdapat Kerjasama anda dengan influncer luar negara dalam memartabatkan warisan?

### **BAHAGIAN C**

- 1) Apakah cadangan yang dapat membantu influncer dalam menggunakan media bahru sebagai alat bagi memulihara warisan?
- 2) Adakah terdapat strategi yang khusus bagi influncer bagi mendapatkan galakan kesedaran atau minat terhadap warisan?
- 3) Bagaimanakah influncer menggunakan media sosial untuk penglibatan pengikut secara langsung dalam usaha memulihara warisan?
- 4) Adakah influncer dapat memastikan content yang dihasilkan berkualiti dan tepat dalam mempromosikan warisan yang ditonjolkan?
- 5) Adakah pihak negeri Terengganu memberikan pengiktirafan kepada anda? Jika ada nyatakan. Kalau tiada nyatakan pengiktirafan yang pernah anda dapat.

Terima kasih kerana telah menjawab soalan-soalan yang diberikan. Semoga tuan sihat selalu dan dimewahkan rezeki. Teruskan berkarya !



## LAMPIRAN B

### TEMU BUAL ORANG SUMBER

#### (INFORMAN 1)

##### Bahagian A

1) Apakah yang anda faham mengenai media sosial?

Nasuha: Platform untuk manusia bersosial dalam alam maya dari pelbagai tempat tanpa perlu bersemuka

2) Apakah yang anda faham mengenai media bahru?

Nasuha: Media alam maya dimana manusia berhubung sesama manusia atau dengan kandungan digital secara atas talian/melalui internet.

3) Apa pendapat anda mengenai penggunaan media sosial dalam media bahru?

Nasuha: Guna ke arah kebaikan akan membawa kebaikan dan begitulah sebaliknya.

4) Apakah bentuk-bentuk media yang terbaik dalam menyampaikan maklumat mengenai pemuliharaan warisan?

Nasuha: Pempengaruh yang popular, kandungan digital melalui penulisan atau 'content creation'

5) Apakah bentuk media itu sesuai untuk menarik minat masyarakat dalam memulihara warisan?

Nasuha: Ya, seiring dengan perkembangan dunia digital dimana makin ramai manusia memperolehi maklumat dari dunia alam maya, ianya sesuai.

- 6) Apa pendapat anda sebagai influencer, jika pemuliharaan warisan dilakukan secara “live” di media sosial?

Nasuha: Tiada masalah, asalkan membawa kebaikan bersama & sejagat.

- 7) Adakah anda bersetuju media bahru dapat digunakan untuk memartabatkan warisan kepada generasi muda? Jika YA, nyatakan pendapat dan contoh.

Nasuha: Ya. Contoh kandungan digital yang memaparkan keistimewaan dan keunikan Muzium terbesar di Malaysia iaitu Muzium Negeri Terengganu, generasi baru dapat menimba ilmu pengetahuan melalui content creation yg menarik

- 8) Apakah penggunaan media bahru dapat menimbulkan kesan positif atau negatif kepada pengguna berbanding pendekatan tradisional dalam pemuliharaan warisan?

Nasuha: Kesan positif sebab media baru lagi mudah dan cepat untuk sebar kandungan digital berbanding media tradisional seperti buku, radio, tv.

- 9) Apakah contoh strategi yang boleh digunakan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan media bahru dalam memulihara warisan?

Nasuha: Contoh strategi dengan membuat kandungan digital yang menarik pasal keunikan budaya dan kuih tradisional Terengganu - buat vlog dan berkongsi aktiviti sesetengah rakyat Terengganu yang membuat ukiran kayu, dan jalan jalan cari makan sambil mempromosikan kuih muih yang unik yg ada di Terengganu, misalnya.

## BAHAGIAN B

- 1) Apakah yang anda faham mengenai influencer?

Nasuha: Pempengaruh yang ada daya untuk mempengaruhi orang ramai dalam sesuatu atau beberapa perkara

- 2) Bagaimanakah influencer dapat membantu dalam mempromosikan warisan bagi memuliharanya?

Nasuha: Influencer mempromosikan kempen berkaitan di sosial media mereka

- 3) Apakah populariti influncer memainkan peranan penting dalam memulihara warisan?

Nasuha: Tidak perlu populariti tapi yang lebih popular ada kelebihan lagi ramai dan lagi cepat tersebar, asalkan mesej mereka menarik dan jelas, orang akan tertarik untuk engage dengan konten mereka

- 4) Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang influncer bagi membantu mereka dalam memulihara warisan?

Nasuha: Niat, usaha dan kerjasama daripada organisasi berkaitan

- 5) Sebagai influencer, adakah terdapat cabran yang perlu dihadapi bagi memartabatkan warisan?

Nasuha: Kekurangan info/bajet untuk mereka sampaikan maklumat kepada orang awam

- 6) Bagaimanakah influncer mengambil langkah dalam menjalankan tanggungjawab demi memulihara warisan? (dalam skop anda)

Nasuha: Bantu organisasi/kerajaan dalam promosi hal pemuliharaan warisan dengan sebarkan di sosial media mereka

- 7) Dalam mencipta content / kandungan apakah yang difokuskan oleh influncer?

Nasuha: Mesej yang jelas & menarik

- 8) Adakah terdapat Kerjasama influncer dengan pihak berkuasa tempatan (Terengganu) dalam memperkasakan warisan? Jika ada nyatakan serta contoh.

Nasuha: Ada, acara Kampung Budaya di Muzium Negeri Terengganu

- 9) Adakah terdapat anugerah khas kepada anda?

Nasuha: Tiada

- 10) Adakah terdapat Kerjasama anda dengan influncer luar negara dalam memartabatkan warisan?

Nasuha: Tiada

## BAHAGIAN C

- 1) Apakah cadangan yang dapat membantu influncer dalam menggunakan media bahru sebagai alat bagi memulihara warisan?  
Nasuha: Sediakan info dan bajet kepada mereka
- 2) Adakah terdapat strategi yang khusus bagi influncer bagi mendapatkan galakan kesedaran atau minat terhadap warisan?  
Nasuha: Tidak pasti, kena cuba & teliti beberapa cara dan fokus pada cara yang paling berkesan berdasarkan hasil kajian
- 3) Bagaimanakah influncer menggunakan media sosial untuk penglibatan pengikut secara langsung dalam usaha memulihara warisan?  
Nasuha: Buat aktiviti contoh review tempat warisan & budaya bersama pengikut
- 4) Adakah influncer dapat memastikan content yang dihasilkan berkualiti dan tepat dalam mempromosikan warisan yang ditonjolkan?  
Nasuha: Influencer yang berkualiti dapat menarik attention yang berkualiti
- 5) Adakah pihak negeri Terengganu memberikan pengiktirafan kepada anda? Jika ada nyatakan. Kalau tiada nyatakan pengiktirafan yang pernah anda dapat.  
Nasuha: Tiada. So far hanya posting ucapan Tahniah oleh MB Terengganu atas usaha sy menghasilkan mural sy terbesar di Kuala Terengganu hasil kolaborasi dgn Maxis dan juga kolaborasi hasil karya seni dgn Maybank.

KELANTAN

TEMU BUAL ORANG SUMBER  
(INFORMAN 2)

## BAHAGIAN A

- 1) Apakah yang anda faham mengenai media sosial?

Rashidah: Media baru kalu lening gok orang kbo aplikasi, platform hok kite guna.

- 2) Apakah yang anda faham mengenai media bahru?

Rashidah: Hok saya tahu media baru ni adalah kaedah baru yang kite guna samada untuk hasilkan video dan maklumat hok seorang akan guna internet dan telefon untuk menarik minat audie

- 3) Apa pendapat anda mengenai penggunaan media sosial dalam media bahru?

Rashidah: Saya sebagai pembuat contents ni memang saya rasa pembangunan media yang lebih tinggi dapat memudahkan saya secara tidak langsung dapat dapat mempromosikan segala ilmu baru

- 4) Apakah bentuk-bentuk media yang terbaik dalam menyampaikan maklumat mengenai pemuliharaan warisan?

Rashidah: Saya rasa untuk menyampaikan maklumat mengenai pemuliharaan warisan perlu di buat di aplikasi Tiktok dan Instagram sebabnya orang muda dan belia memang wahi scroll mnde ni. Jadi sni kite boleh sunting semangat dan ilmu warisan yang kadang tu orang muda dok tahu pom.

- 5) Apakah bentuk media itu sesuai untuk menarik minat masyarakat dalam memulihara warisan?

Rashidah: Pada pendapat saya , aplikasi hok sesuai untuk menarik minat masyarakat dalam memulihara warisan sama jee nge hok soalan atas takdi iaitu Tiktok nge Instagram sebabnya bukan golongan muda jee hok main malah golongan berumor pun aktif di media sosial gini.

- 6) Apa pendapat anda sebagai influencer, jika pemuliharaan warisan dilakukan secara “live” di media sosial?

Rashidah: Kalu macam saya kalu saya free saya memang buat live kadang tu ada jugok la pengikut media sosial sruh cakap Hulu Terengganu beserta dengan maksud sekali. Jadi sini kite boleh kabu memang buat live di media sosial ni

merupakan satu pemuliharaan warisan sebab lening orang dokk bace buku doh padan main media sosial je.

- 7) Adakah anda bersetuju media bahru dapat digunakan untuk memartabatkan warisan kepada generasi muda? Jika YA, nyatakan pendapat dan contoh.

Rashidah: Ye memang saya setuju sangatlah. Sebab biasanya video saya banyak memaparkan loghat Hulu Terengganu pah tu ada jugok asal usul Terengganu , ada jugok kadang saya promot tempat menarik di Hulu Terengganu dan Terengganu.

- 8) Apakah penggunaan media bahru dapat menimbulkan kesan positif atau negatif kepada pengguna berbanding pendekatan tradisional dalam pemuliharaan warisan?

Rashidah: Media sosial ni ada bagi kesan positif dan kesan negatif pada pengguna. Kadang ikot atas pengguna, kalu guna untuk cari maklumat, ilmu, info semasa baiklah sebab lening maklumat boleh didapati dihujung jari. Kalau guna untuk main game, berjudi online, tgok mende dok molek tu memang bagi kesan buruklah pada pengguna.

- 9) Apakah contoh strategi yang boleh digunakan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan media bahru dalam memulihara warisan?

Rashidah: Strategi hok boleh kite buat untuk beri galakan pada orang ramai untuk guna media baru seperti memcipta video yang menarik bukan saje pandai olah idea dan contoh malah persembahan video dengan pengisian video yang pendek dan ringkas hok mne memang sesuai untuk generasi sekarang yang dok suke membaca

## BAHAGIAN B

- 1) Apakah yang anda faham mengenai influencer?

Rashidah: Influencer ni hok saya faham ye orang terkenal di media sosial yang ada ramai pengikut dan peminat.

- 2) Bagaimanakah influencer dapat membantu dalam mempromosikan warisan bagi memuliharanya?

Rashidah: Benornya influencer ini memang sangat membantu untuk promosi warisan sebabnya influencer ni segala gerak geri, tingkah laku dan watak

perwatakan sememangnya mendapat perhatian yang ramai bukan sahaja di Malaysia tapi luar negara

- 3) Apakah populariti influncer memainkan peranan penting dalam memulihara warisan?

Rashidah: Macam saya kabo lah influencer ni memang penting dari segi pemuliharaan warisan sebab dia boleh jugok mempengaruhi influencer.

- 4) Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang influncer bagi membantu mereka dalam memulihara warisan?

Rashidah: Ikot atas kreativiti masing masing laa , macam saya ni saya banyak buat content pasal lorat Hulu Terengganu. Melalui video- video yang saya post di media baharu sedikit sebanyak memang dapat laa memulihara bahasa Hulu yang jarang doh orang muda dengar dan guna . Jadi loghat sebegini dapat laa dipelihara dan dapat menyunting dalam minda anak muda zaman sekarang.

- 5) Sebagai influncer, adakah terdapat cabran yang perlu dihadapi bagi memartabatkan warisan?

Rashidah: Saya percaya setiap influencer memang banyaklah cabaran untuk bermula dan berkekalan. Macam saya sendiri pom memang ada cabaran sebab segelintirnya ada pengikut yang kecam saya , ada yang menganggap content yang saya buat benda lame bukan terkini. Sebenarnya kalau kite tgok dari sudut positif menda yang lapuk dan lama perlu selalu di angkat agar tidak pupus ditelan zaman.

- 6) Bagaimanakah influncer mengambil langkah dalam menjalankan tanggungjawab demi memulihara warisan? (dalam skop anda)

Rashidah: Langkah yang saya ambil ialah membuat content yang mempunyai nilai warisan, budaya sesuatu masyarakat contohnya lorat Hulu Terengganu sebbnya ramai orang dokk tahu dan dok faham pom apa maksudnya dan bila boleh digunakan. Jadi mungkin ni satu langkah yang baiklah untuk saya memartabatkan bahasa Hulu Terengganu.

- 7) Dalam mencipta content / kandungan apakah yang difokuskan oleh influncer?

Rashidah: Kebiasaannya influencer mengetahui dan telah merancang untuk menghasilkan sesuatu content agar mendapat sambutan yang tinggi. Content yang mendapat sambutan yang tinggi perlulah mempunyai nilai-nilai yang

positif dan isu semasa , contohnya isu pengganasan Yahudi di bumi Gaza agar mendapat kesedaran daripada golongan remaja dan sedikit sebanyak memberi sumbangan ikhlas dari segi kewangan.

- 8) Adakah terdapat Kerjasama influncer dengan pihak berkuasa tempatan (Terengganu) dalam memperkasakan warisan? Jika ada nyatakan serta contoh.

Rashidah: Setakat ini ada jugalah antaranya molek FM kerana kadangkala saya menjadi dj di radio.

- 9) Adakah terdapat anugerah khas kepada anda?

Rashidah: tiada

- 10) Adakah terdapat Kerjasama anda dengan influncer luar negara dalam memartabatkan warisan?

Rashidah: Setakat ini mungkin tiada kerjasama dengan influncer luar negara dalam memartabatkan warisan

## BAHAGIAN C

- 1) Apakah cadangan yang dapat membantu influncer dalam menggunakan media bahru sebagai alat bagi memulihara warisan?

Rashidah: Antara cadangan yang dapat membantu influncer dalam menggunakan

media bahru sebagai alat bagi memulihara warisan sebagai influencer perlulah membuat content yang lain daripada yang lain dan mempunyai nilai positif dan nilai kesedaran supaya dapat menarik minat pengikut menghayati video-video yang dihasilkan.

- 2) Adakah terdapat strategi yang khusus bagi influncer bagi mendapatkan galakan kesedaran atau minat terhadap warisan?

Rashidah: Seperti yang saya bagitau sebentar tadi , strategi yang khusus bagi influncer bagi mendapatkan

galakan kesedaran atau minat terhadap warisan adalah dengan menghasilkan video yang memberi tahap kesedaran yang tinggi dalam diri generasi muda seperti video warisan telepuk yang mana ramai generasi tidak tahu. Dengan penyampaian maklumat seperti ini pelajar dapat menyunting ilmu warisan untuk kegunaan masa hadapan dan boleh mempengaruhi pemikiran mereka.

- 3) Bagaimanakah influncer menggunakan media sosial untuk penglibatan pengikut secara langsung dalam usaha memulihara warisan?

Rashidah: Saya menggunakan media sosial untuk penglibatan pengikut secara langsung dalam usaha memulihara warisan dengan penghasilan loghat Hulu Terengganu di Tiktok dan Instagram

- 4) Adakah influncer dapat memastikan content yang dihasilkan berkualiti dan tepat dalam mempromosikan warisan yang ditonjolkan?

Rashidah: Untuk memastikan content yang dihasilkan berkualiti dan tepat dalam mempromosikan warisan yang ditonjolkan ada merangka strategi yang baik agar videonya berkualiti

- 5) Adakah pihak negeri Terengganu memberikan pengiktirafan kepada anda? Jika ada nyatakan. Kalau tiada nyatakan pengiktirafan yang pernah anda dapat.

Rashidah: tiada

**TEMU BUAL ORANG SUMBER  
(INFORMAN 3)**

**BAHAGIAN A**

1) Apakah yang anda faham mengenai media sosial?

Amir : Media sosial adalah satu platform manusia untuk berkongsi pendapat, kehidupan, kreativiti dan menjana pendapatan.

2) Apakah yang anda faham mengenai media bahru?

Amir : Media bahru lebih tertumpu di alam maya yang cenderung pada format video dan mendapat sambutan luar biasa serata dunia.

3) Apa pendapat anda mengenai penggunaan media sosial dalam media bahru?

Amir : Ada baik dan buruk. Namun, terlalu banyak benda baik yang telah diterapkan dan berjaya mengubah persepsi masyarakat tentang kepelbagaiannya faedah dan manfaat.

4) Apakah bentuk-bentuk media yang terbaik dalam menyampaikan maklumat mengenai pemuliharaan warisan?

Amir : Bergantung pada penonton berdasarkan pengikut. Namun, infografik dan sketsa yang dekat dengan masyarakat sentiasa mendapat sambutan.

5) Apakah bentuk media itu sesuai untuk menarik minat masyarakat dalam memulihara warisan?

Amir : Ya. Masyarakat Malaysia secara khususnya cenderung untuk menonton video yang sangat dekat dengan kehidupan seharian.

6) Apa pendapat anda sebagai influencer, jika pemuliharaan warisan dilakukan secara “live” di media sosial?

Amir : Pada dasar pemerhatian saya, “Live” salah satu medium untuk seseorang influencer mendekatkan diri dengan pengikutnya. Namun, persediaan yang rapi diperlukan kerana agak sukar untuk membuat penonton

menonton “Live” dalam kadar waktu yang lama.

- 7) Adakah anda bersetuju media bahru dapat digunakan untuk memartabatkan

warisan kepada generasi muda? Jika YA, nyatakan pendapat dan contoh.

Amir : Ya, saya bersetuju. Kebanyakan video-video Tiktok saya banyak memainkan sentimen loghat Terengganu yang berjaya menambat hati penonton. Saya juga menerima komen-komen yang positif bukan sahaja daripada masyarakat Terengganu tapi juga dari pelbagai negeri di Malaysia dan Brunei.

- 8) Apakah penggunaan media bahru dapat menimbulkan kesan positif atau negatif kepada pengguna berbanding pendekatan tradisional dalam pemuliharaan warisan?

Amir : Tidak dinafikan setiap platform bahru akan mengundang pelbagai persepsi positif dan negatif. Namun, sebagai pencipta konten saya menganggap perlu ada nilai-nilai tambahan dalam setiap video sebagai satu pesanan dan peringatan.

- 9) Apakah contoh strategi yang boleh digunakan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan media bahru dalam memulihara warisan?

Amir : Kreativiti sangat diperlukan untuk mengolah idea atau isi kandungan supaya tidak kelihatan terlalu formal.

## BAHAGIAN B

- 1) Apakah yang anda faham mengenai influencer?

Amir : Influencer lebih di kenali dengan seseorang yang mempunyai sejumlah pengikut di media sosial dan menjadi perhatian masyarakat setempat.

- 2) Bagaimanakah influencer dapat membantu dalam mempromosikan warisan bagi memuliharanya?

Amir : Secara amnya, influencer memiliki pengaruh-pengaruh tersendiri yang membolehkan beliau untuk mengenangkan pelbagai pandangan dan

pendapat di media sosial dan kemungkinan untuk masyarakat memberi perhatian adalah sangat tinggi.

- 3) Apakah populariti influncer memainkan peranan penting dalam memulihara warisan?

Amir : Penting, ini kerana bukan sahaja ia akan membantu influencer tersebut tetapi juga boleh memartabatkan nilai-nilai warisan ke serata dunia.

- 4) Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang influncer bagi membantu mereka dalam memulihara warisan?

Amir : Berbalik pada kreativiti seseorang influencer. Ini kerana untuk memulihara warisan adalah sangat penting untuk memberi perhatian apa yang boleh menambat hati masyarakat setempat. Konten yang terlalu formal dan gagal menambat hati penonton boleh menyekat matlamat influencer untuk memulihara warisan dengan cara yang baik.

- 5) Sebagai influncer, adakah terdapat cabran yang perlu dihadapi bagi memartabatkan warisan?

Amir : Mengikut pengalaman saya sendiri, persepsi masyarakat adalah satu cabaran terbesar. Ini kerana konten saya secara khususnya membawa loghat Terengganu dan loghat negeri ini terbahagi kepada banyak aspek ; sebutan, keadaan dan faktor geografi. Influencer harus bersedia secara mental untuk menerima teguran daripada masyarakat baik secara positif atau negatif.

- 6) Bagaimanakah influncer mengambil langkah dalam menjalankan tanggungjawab demi memulihara warisan? (dalam skop anda)

Amir : Secara peribadi, saya lebih cenderung untuk melakonkan sketsa kerana ia lebih dekat dengan masyarakat setempat. Di dalam sketsa-sketsa saya, saya akan menerapkan loghat-loghat Terengganu.

- 7) Dalam mencipta content / kandungan apakah yang difokuskan oleh influncer?

Amir : Kebanyakan influencer mengetahui apa yang boleh membuatkan

sesebuah konten itu mendapat sambutan tinggi. Selain nilai-nilai yang positif, influencer harus la mengenal pasti isu-isu teknikal seperti “average time spent”, “percentage of view on first 3 seconds”, etc.

8) Adakah terdapat Kerjasama influncer dengan pihak berkuasa tempatan (Terengganu) dalam memperkasakan warisan? Jika ada nyatakan serta contoh.

Amir : Setakat ini tiada.

9) Adakah terdapat anugerah khas kepada anda?

Amir : Setakat ini tiada.

10) Adakah terdapat Kerjasama anda dengan influncer luar negara dalam memartabatkan warisan?

Amir : Setakat ini tiada, namun saya berpeluang bekerjasama dengan pelbagai jenama dan syarikat di Malaysia dan Indonesia.

### **BAHAGIAN C**

1) Apakah cadangan yang dapat membantu influncer dalam menggunakan media bahru sebagai alat bagi memulihara warisan?

Amir : Pemerhatian saya, untuk mendapat tempat di dalam media sosial seseorang influencer atau pencipta konten perlu berprinsip dan cuba mencari kelainan.

2) Adakah terdapat strategi yang khusus bagi influncer bagi mendapatkan galakan kesedaran atau minat terhadap warisan?

Amir : Sekali lagi, kreativi sangat memainkan peranan yang penting. Konten yang boleh meyentuh perasaan masyarakat cenderung akan mendapat sambutan yang tinggi dan secara tidak langsung akan memudahkan penyampian nilai-nilai ini pada masyarakat.

3) Bagaimanakah influncer menggunakan media sosial untuk penglibatan pengikut secara langsung dalam usaha memulihara warisan?

Amir : Berdasarkan pengalaman dan konsep konten saya, saya lebih

menggunakan loghat di dalam sketsa saya.

- 4) Adakah influncer dapat memastikan content yang dihasilkan berkualiti dan tepat dalam mempromosikan warisan yang ditonjolkan?

Amir : Ya, strategi yang baik akan berjaya.

- 5) Adakah pihak negeri Terengganu memberikan pengiktirafan kepada anda? Jika ada nyatakan. Kalau tiada nyatakan pengiktirafan yang pernah anda dapat.

Amir : Tiada, setakat ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

TEMU BUAL ORANG SUMBER  
(INFORMAN 4)

## BAHAGIAN A

- 1) Apakah yang anda faham mengenai media sosial?

Yuzaidiey: “Media sosial naing depend kepada urang sebab mende, sebab media sosial ning untuk kita dapat kawang, kita menggunakan kearah kebaikan ataupun keburukan. Depends aa media sosial ni ye umum, terbuka dan info info yang mudoh kita dapat, so nape hok kita nok research tu semua dihujung jari je.”

- 2) Apakah yang anda faham mengenai media bahru?

Yuzaidiey: Media baharu ning ada advantage dan disadvantage nye jugok, depends orang tu lah kalau guna kearah disadvantage dok leh buat apa, biasalah benda-benda pun kita ada pro and contra. Jadi bagusnya ada media baharu ning, sebab kita boleh memperluaskan. Contoh macam saya kan...seorang content creator yang minat kepada loghat, klasik...mende yang unik jadi saya nak ketengahkan mende tu, dan saya gunakan media baharu untuk orang tau. “Apa yang unik kat tempat saya”, “apa yang bestnya kat tempat saya” dan “ apa yang ada ditempat saya”. Jadi orang rasa nok pergi, sebab media baharu ramai anak-anak muda guna, dok kira peringkat umur, kanak-kanak pun ada dan boleh buat mereka “oh wow, aku nok tra aa”, “aku nok pertahankan aa”. Sebab sekarang ning kang hm budak-budak pun macam dah tade apa, bila kita ketengahkan diorang bila diorang lalu akan rasa tanam minat, tak banyak tapi sikit”

- 3) Apa pendapat anda mengenai penggunaan media sosial dalam media bahru?

Yuzaidiey: Media baharu ning ada advantage dan disadvantage nye jugok, depends orang tu lah kalau guna kearah disadvantage dok leh buat apa, biasalah benda-benda pun kita ada pro and contra.

- 4) Apakah bentuk-bentuk media yang terbaik dalam menyampaikan maklumat mengenai pemuliharaan warisan?

Yuzaidiey: "Bagi saya lah TikTok untuk anak-anak muda untuk golongan yang sekolah, remaja apa semua untuk tarik minat dari segi anak muda dan golongan remaja lebih sesuai TikTok. Sebab diorang banyak mempengaruhi mereka dari situ dan boleh research dari situ. Jadi untuk Facebook pulok, bagi golongan-golongan orang yang berumur lah sedikit, golongan berumur ni pun kita perlu tarikkan jugok sebab kita boleh berexplore dengan diorang. Sebab kita ning muda jadi kita tak tahu dari A to Z, kita tak lahir dari zaman 90-an, jadi kita kena explore, macam diorang akan explain "ini salah dik" jadi kita accept apa yang diorang cakap sebab diorang makan garam dari kita, jadi saya menggunakan dua media iaitu TikTok dan Facebook."

- 5) Apakah bentuk media itu sesuai untuk menarik minat masyarakat dalam memulihara warisan?

Yuzaidiey: "Ya, betul memang media baharu banyak membantu kita dalam memartabatkan warisan. Macam saya op, saya wak live, jadi ada hok masuk tu tanya macam macam pasal loghat, sebab loghat kita ning unik, sebab itulah kita kena tonjolkan lagi, itu adalah keunikkan yang kita ada dan kita perlu pertahankan aa"

- 6) Apa pendapat anda sebagai influencer, jika pemuliharaan warisan dilakukan secara "live" di media sosial?

Yuzaidiey: "Saya sangat setuju, sangat sangat perlu bagi saya sebab ramai lagi yang tak tahu dan ramai lagi yang berminat nak tahu saya pun tak tahu ramai yang minat kita punya warisan sebab ork saya try explore dan buat live jadi eh satu keunikkan lah yang kau ada dan itu advantage yang kita ada jadi orang takt ahu saya pun takt ahu "eh biar betul asal dari Johor ye minat kita punya slang, ye minat kita punya warisan. Jadi kita kena tonjolkan lagi sebab itu satu keunikkan yang kita ada dan kita kena pertahankan."

- 7) Adakah anda bersetuju media bahru dapat digunakan untuk memartabatkan warisan kepada generasi muda? Jika YA, nyatakan pendapat dan contoh.

Yuzaidiey: "Bagi saya dua-dua perlu diketengahkan lagi aa, sebab macam media bahru kita buat secara live op, ho macam orang tahu, jadi bila orang tak, okey macam saya more to loghat dan makan makanan tradisional jadi at least diorang

mari kat sini. Contoh ah saya cakap makanan makanan tradisional kat Terengganu menggunakan media baharu, macam IG(Instagram), “jom tra makanan tradisional sini, hoo aku tahu info ni dekat sini ea”, jadi info-info orang luar banyak dapat, jadi yang hm hm media yang lama macam kita berjumpa secara live macam hm dengan nenek-nenek kita, kita dapat banyak lagi belajar. Kita explore, contohnya saya tak pandai buat ni nek, takpe kita belajar, at least kita dapat share ke media baharu supaya orang dapat, ramai yang dapat tahu lah”.

- 8) Apakah penggunaan media bahru dapat menimbulkan kesan positif atau negatif kepada pengguna berbanding pendekatan tradisional dalam pemuliharaan warisan?

Yuzaidiey: Tipulah tak de kan? Side negatif pun ada positif pun ada itu biasalah content creator kan so kita kena telan jelah, macam side positif diorang cakaplah baguslah kerana telah mempertahankan kita punya tu, sebab tak de dah anak-anak muda. Dari segi side negatif diorang cakap “takperlu dah buat macam ni, sebab kita pergi interview ke atau pergi ke mana-mana ke orang dah dok guna loghat kita. Jadi saya cakap itu adalah salah satu loghat kita dan keunikan kita jadi kita kena pertahankanlah.

- 9) Apakah contoh strategi yang boleh digunakan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan media bahru dalam memulihara warisan?

Yuzaidiey: “Pendapat saya aa kita kena buat content-content yang menarik supaya mereka terinspirasi dengan kita dan diorang ikut sekali,kita kena tarik minat diorang, macam diorang jumpe kita secara live, haa “ kak , kak ada TikTok ?” “Like lah TikTok saya” kak kan ada TikTok haa cuba lah akak main TikTok, haaa kita tunjuk side yang positif supaya orang tu boleh tau “ohhh kat TikTok ada mende naing ingat ke juget-juget je, tapi banyak lagi kita boleh explore...so kita kena explain secara live tu peranan pempengaruh untuk tarik urang-urang luor untuk minat dengan media baharu, macam saya ada buat challenge-challenge jugok teka loghat Hulu Tranaung, so pada masa yang sama kita suh ye join main TikTok. Biasa mokcik-mokcik aa op, mende TikTok naing lagho ... ha ha ha...eh dok kalu mokcik dengu ngaji mok cik buleh pahala haa gitu, hak ngaji paun buleh pahala”

## BAHAGIAN B

- 1) Apakah yang anda faham mengenai influencer?

Yuzaidiey: "Pempengaruh ning saya anggap pempengaruh ning orang yang mempengaruh ke arah kebaikan, contohnya dia orang yang berpengaruh tapi dia buat side yang boleh pahala contohnya,dia share mende yang bermanfaat, setakat follower " oh aku ada follower 100,000 tapi tengok daripada content hok buat, contoh content yang bermanfaat, bagi saya nothing aa, sebab tu macam saya contohnya hmm kita wak content masak , kita kena prepare walaupun kita ning ada 1000 follower saya dah anggap dia pempengaruh , sebab ye share mende yang bermanfaat bagi saya, contoh tempat-tempat menarik, yee pempengaruh ning ye dok perlu mencukupi follower yang berjuta-juta, berbillion-billion tapi kita share content yang tidak ada faedah orang kata. Bagi saya pempengaruh ning walaupun kita tak ada follower tapi dia mempengaruhi saya kearah kebaikan, kita tengok video dia "oh boleh ah try wak gini" contohnya macam content cara mengingati, macam diorang share mende mende yang berfaedah itu adalah pempengaruh bagi saya".

- 2) Bagaimanakah influencer dapat membantu dalam mempromosikan warisan bagi memuliharanya?

Yuzaidiey: "Untuk membantu mempromosikan ni semestinya dari content yang kreatif aa contohnya awal-awal saya baru belajo dalam dunia content creator jadi awal-awal saya buat video sangat panjang lebih 5 minit, bosan weh lah, jadi saya pendekkan video tarikkan, kena share mende-mende yang menarik dan kita kena explain mende yang kita buat, contohnya saya loghat challenge, kita bagi contoh satu perkataan kita explain balik biar diorang faham and then diorang boleh guna sekali".

- 3) Apakah populariti influncer memainkan peranan penting dalam memulihara warisan?

Yuzaidiey: "Macam saya kabu tadi, bagi saya tidak terlalu famous pun nak jadi pempengaruh ning, just cukup mereka share perkara yang berfaedah dan perkara yang dapat membantu memartabatkan lagi warisan-warisan yang ada disekeliling mereka".

- 4) Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang influncer bagi membantu mereka dalam memulihara warisan?

Yuzaidiey: “Cabarannya, hmm nak explain kepada bahasa baku, kita selalu guna perkataan tu tapi dok tahu nok explain gane ke orang tu...contohnya duit op, siya mende aa kadang-kadang dok mari. Saya pernah belajar di KL, kengsot tu mende HAHAHA. Cabaran paling besar adalah kecaman orang lah “eh tak payah lah buat mende ni”. Saya naik sebab kecaman orang. Dulu saya buat content masak je, tapia da seorang hamba Allah ni takt ahu lah siapa, setiap kali video masak saya dia komen. Masok sedak doh tapi cakak macam orang asli. Diorang cakap xyoh lah cakak over sangat hulu tu, doh tu loghat kita. Dan lepas tu saya buat video, dan ramai orang backup. Kita ni ada je orang suka dan dok suka. So kena adapt lah kalau nok jadi pempengaruh”.

- 5) Sebagai influncer, adakah terdapat cabran yang perlu dihadapi bagi memartabatkan warisan?

Yuzaidiey: cabarannya mungkin sebagai influencer kita tak mampu memartabatkan warisan tanpa bantuan dari pihak-pihak tertentu juga.

- 6) Bagaimanakah influncer mengambil langkah dalam menjalankan tanggungjawab demi memulihara warisan? (dalam skop anda)

Yuzaidiey: “Hmm kita sendiri yang kena guna loghat ning untuk orang tahu, contoh kita jumpa secra depan-depan janganlah pulok kita cakak KL duduk kuala berang haa...dok buleh aa. Kekgi kena kecam dalam video cakak lain, depan cakak lain nanti Nampak macam fake, Jadi jangan fake. Langkah pertama kena life macam biasa...yang kedua hmm kena tarik minat ah, tarik minat anok muda...kita terang, slowtalk, ajak diorang main sekali dan saya nak tu saya tidak ada kuasa jadi pihak-pihak yang bertanggungjawablah haruslah mengenengahkan warisan kita. Saya sebagai pempengaruh hanya mampu untuk buat content yang menjurus ke arah topik atau tajuk yang selalu diutarakan...dan orang yang malu dengan loghat sendiri ni dia tiada identity. Jadi dakyoh malu lah, diorang hok malu ni ye dom tahu ini adalah satu keunikkan, advantage yang kita ada yang orang lain tak dok”.

7) Dalam mencipta content / kandungan apakah yang difokuskan oleh influncer?

Yuzaidiey: “Apa yang difokuskan oleh saya adalah masa, kualiti video supaya dok nampok bosan and then aa macam saya depends on audiens yang minat dari segi arah apa. Macam saya audiens minat loghat, jadi jangan aa change, nanti kita tak dok identity, kejap cakak gini, kejap cakak gini. Jadi peminat pun dok leh. Kita kena fokus satu je contoh saya loghat dan warisan macam permainan tradisional kita fokus hok tu...jangan bila kita dah famous kita nok tukor aa nok jadi make-up pulok haa dok leh aa”.

8) Adakah terdapat Kerjasama influncer dengan pihak berkuasa tempatan (Terengganu) dalam memperkasakan warisan? Jika ada nyatakan serta contoh.

Yuzaidiey: “Ada, setakat ni dengan Pejabat Daerah Hulu Terengganu untuk mengtengahkan lagi apa yang ada di Kuala Berang sebab Kuala Berang ni banyak sangat tempat-tempat explore dia bukan setakat sejarah tapi sejarah dan keunikkan yang dia ada”.

9) Adakah terdapat anugerah khas kepada anda?

Yuzaidiey: “Tiada lagi setakat ning”

10) Adakah terdapat Kerjasama anda dengan influncer luar negara dalam memartabatkan warisan?

Yuzaidiey: “Tiada”

## BAHAGIAN C

1) Apakah cadangan yang dapat membantu influncer dalam menggunakan media bahru sebagai alat bagi memulihara warisan?

Yuzaidiey: “Bagi saya, untuk pimpengaruh kalau tak dok modal dok leh wak mende, jadi yang perlu ketengahkan kita punya warisan adalah orang yang bertanggungjawab. Macam daerah kita ning, Pejabat Daerah dia perlu buat pertandingan ke apa supaya orang tu rasa minat dan orang tu rasa perlu belajar. Macam kat sekuloh ke? Sometime, cuba selit sikit er pertandingan permainan tradisional supaya orang tahu, jadi macam kita nok anjurkan mungkin kita mengambil masa yang lama untuk jadi content creator yang betul betul , lorang kata success untuk kita boleh melabur sendiri hmm buat masa sekarang saya tak

mampu lagi melabur sendiri jadi saya kena kerjasama dengan agensi-agensi laa. Jadi saya kalau masuk meeting saya memang ketengahkan kita punya warisan. Kenapa kita dok tukor permainan tu untuk orang lain boleh main, bukan sebab masuk sebab dok pandai...haa..."

- 2) Adakah terdapat strategi yang khusus bagi influncer bagi mendapatkan galakan kesedaran atau minat terhadap warisan?

Yuzaidiey: "Kreativitilah bagi saya, sebab kalau pempengaruh tak dok idea, sesebuah content tu akan jadi hambar dan tidak menarik untuk follower kita tengok. Content tu jugok haruslah mempunyai nilai-nilai yang baik lah..."

- 3) Bagaimanakah influncer menggunakan media sosial untuk penglibatan pengikut secara langsung dalam usaha memulihara warisan?

Yuzaidiey: "Macam saya lah op, saya ning lebih kepada memperkenalkan Hulu Terengganu dari segi Loghat dan makanan warisan, tapi dalam masa yang sama saya juga ada jugok berkongsi mengenai tempat-tempat menarik di Hulu Terengganu ni dan saya balik ke kampung halaman semata-mata untuk menonjolkan lagi warisan di sini".

- 4) Adakah influncer dapat memastikan content yang dihasilkan berkualiti dan tepat dalam mempromosikan warisan yang ditonjolkan?

Yuzaidiey: "Ya, saya yakin dengan usaha dan kreativiti content mengenai pemuliharaan warisan mampu ditonjolkan".

- 5) Adakah pihak negeri Terengganu memberikan pengiktirafan kepada anda? Jika ada nyatakan. Kalau tiada nyatakan pengiktirafan yang pernah anda dapat.

Yuzaidiey: "Tiada"

**TEMU BUAL ORANG SUMBER**  
**(INFORMAN 5)**

**BAHAGIAN A**

- 1) Apakah yang anda faham mengenai media sosial?

Azwarin: Ape yang saye faham, media sosial ni diye main dengan teknologi untuk sampaikan maklumat dekat orang ramai. Contoh macam facebook, daripada facebook ni orang ramai boleh dapat maklumat dari segi berite luar, kawan2, resepi makanan. Haaa gituu lah mende hok saye faham.

- 2) Apakah yang anda faham mengenai media bahru?

Azwarin: media bahru ni dia lebih kurang je dengan media sosial. Sebab dua-dua ni berkait rapat dengan teknologi.

- 3) Apa pendapat anda mengenai penggunaan media sosial dalam media bahru?

Azwarin: Nok kata banyak kebaikan dok jugok nok kate banyak buruk dok jugok. Sebab dia tengok atas tujuan orang hok guna tu. Kalau dia guna kearah kebaikan baik lah dapat dia contoh, orang guna media sosial wak jual online, cari kawan2 haa situ dapat lah faedah dia boleh tambah pendapatan dia dengan boleh tambah kawan-kawan.kalau guna tujuan sebaliknya,, lain lah pulak jadi dia kan... Gitu lahh pandangan saya.

- 4) Apakah bentuk-bentuk media yang terbaik dalam menyampaikan maklumat mengenai pemuliharaan warisan?

Azwarin: Banyak. Contoh facebook, Instagram pahtu tiktok. Tapi kite kene ikut peredaran zaman jugak pahtu tengok maklumat tu kite nok sampai dekat sape. Saya perhati lening ramai orang main tiktok jadi ..maklumat tu nok bagi orang ramai tahuuu saya rase tiktok tempat terbaik ahh.. sebab tiktok tu dulu anak muda je main tapi lening sekali dengan orang tua-tua main..sebab mndr? Sebab dari tiktok sek dia dapat banyak maklumat. Jadi pasal pemuliharaan warisan ni.. kemungkinan naik dekat fyp sek diaa dan pada masa yang sama sek dia boleh tahu kan?

- 5) Apakah bentuk media itu sesuai untuk menarik minat masyarakat dalam memulihara warisan?

Azwarin: Ya. Sbb Masyarakat sekarang kalau boleh nok mnde mudoh salah satunya daripada media.. sebab daripada media ni sek dia boleh buat mcm2. Daripada media

pihak bertanggungjawab boleh jalankan aktiviti secara online, buat penyebaran maklumat dgn kreatif biar orang ramai ni ada sikap bertanggungjawab dan tertarik nok jage mnde2 warisan ni..pada masa yang sama.. penyebaran tuh boleh tersebar dengan lebih meluas dengan penggunaan media.

- 6) Apa pendapat anda sebagai influencer, jika pemuliharaan warisan dilakukan secara “live” di media sosial?

Azwarin: pada pendapat saya, lakukan pemuliharaan secara live di sosial media sangat bagus tapi nak naik fyp tiktok ni bukan senang. Melainkan ketika pemuliharaan dibuat tu, pihak bertanggungjawab menjemput mana-mana artis untuk menarik minat penonton untuk terus menonton at the same time sek dia tahu gane nok peliharan tanpa tengok saje-saje.

- 7) Adakah anda bersetuju media bahru dapat digunakan untuk memartabatkan warisan kepada generasi muda? Jika YA, nyatakan pendapat dan contoh.

Azwarin: Ya, saya bersetuju. Keran media bahru ni digunakan secara meluaskan oleh anak muda zaman sekarang. Contohnya penggunaan tiktok. Boleh dikatakan semua peringkat umur sekarang ada acc tiktok dok kire koloh rondoh menengoh, semua ada. Tapi pada masa yang sama penghasilan video2 jugak perlu menarik sebab mende.. kebanyakan orang ni akan tertarik kepada sesuatu video tu sebab dia mampu menarik minat mereka supaya tengok

- 8) Apakah penggunaan media bahru dapat menimbulkan kesan positif atau negatif kepada pengguna berbanding pendekatan tradisional dalam pemuliharaan warisan?

Azwarin: Dok dinafikan media bahru ni mengundang banyak persepsi dok kire baik buruk.. kalua pendapat saya sebagai pencipta konten, nak hasilkan sesuatu video tu kenelah ada kebaikan dia.. jangan hasilkan video kosng... at least mnde yang kite nok sampaikan dekat orang biar maklumat berguna dan menarik...beze pulok dengan pendekatan tradisional.. contoh buku. bagusj er. tapi bayangkan maklumat tu kite buat sebagai buku. Rase2 ade ke orang nk bacee.

- 9) Apakah contoh strategi yang boleh digunakan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan media bahru dalam memulihara warisan?

Azwarin: Maklumat dan gaya penyampaian jangan terlalu formal biar orang mudah faham, se lagi perlu dedahkan secara kreatif supaya dapat menarik minat orang ramai.

## BAHAGIAN B

- 1) Apakah yang anda faham mengenai influencer?

Azwarin: Influencer ni merupakan orang yang berpengaruh di laman sosial dan ada pengikut yang ramai.

- 2) Bagaimanakah influencer dapat membantu dalam mempromosikan warisan bagi memuliharanya?

Azwarin: Bagi saya dengan menggunakan influencer dalam mempromosikan warisan sangat bagus lah.. sebab influencer ni kadang-kadang mampu mempengaruhi pengikut dia dengan perwatakan yang menarik.

- 3) Apakah populariti influncer memainkan peranan penting dalam memulihara warisan?

Azwarin: Ya. Sebab dia bukan Sahaja bagi manfaat dekat influencer tu sendiri tapi dekat pengikut dia jgk.. pastu dalam pada masa yang sama kita dapat mempertabatkan lagi warisan-warisan yang ada dekat negara kite salah satunya seni telepuk, x ramai orang pandai buat disebabkan cara pembuatan dia rumit.jadinya, influencer lah perlu bagi pengaruh kuat dekat pengikut diaa dan dedahkan cara dan teknik yang betul. Dia bukan jer bagi manfaat dekat pengikut dia tapi x kemungkinan dia dapat bantu orang ramai dalam mencari pendapatan sendiri dalam penghasilan telepuk.

- 4) Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang influncer bagi membantu mereka dalam memulihara warisan?

Azwarin: Bagi saya, ciri-ciri yang perlu ada dekat seorang influencer ni pertama sekali kene ada perwatakan yang menarik. Sebab dari situ dia dapat menambat hati peminat-peminat dia untuk sama-sama memulihara warisan yang sedia ad ning dari sirna ditelan zaman.

- 5) Sebagai influncer, adakah terdapat cabran yang perlu dihadapi bagi memartabatkan warisan?

Azwarin: Bagi saya cabaran dalam memartabatkan warisan ni adalah dari segi kos dan teknik pembuatan. Sebab apa, kebanyakkan orang xboh buat seni telepuk disebabkan kos yang besar dan teknik dia yang rumit.. lepastu nok buat telepuk ni kene ada kesabran yang tinggi dan berhati-hati.

- 6) Bagaimanakah influncer mengambil langkah dalam menjalankan tanggungjawab demi memulihara warisan? (dalam skop anda)

Azwarin: Langkah yang saya ambil adalah dengan masukkan gambar-gambar yang berkaitan dengan telepuk dan melakukan persembahan( cara membuat telepuk). Di khalayak ramai terutamanya jika ada program2 berkaitan dengan seni warisan yang diadakan dimana-mana tempat contohnya di muzium.

- 7) Dalam mencipta content / kandungan apakah yang difokuskan oleh influncer?

Azwarin: Fokus saya dalam menghasilkan konten adalah untuk menarik minat ramai orang dalam pembuatan telepuk dan pada masa yang sama saya nak pastikan telepuk ni dapat diketahui oleh ramai pihak sebab apa? Kebanyakkan orang zaman sekarang dok kenal telepuk tu mende.. jadi dengan usaha yang saya buat ni berharap lebih ramai yang berminat dan mengetahui seni ni.

- 8) Adakah terdapat Kerjasama influncer dengan pihak berkuasa tempatan (Terengganu) dalam memperkasakan warisan? Jika ada nyatakan serta contoh.

Azwarin: ada, saya lakukan Kerjasama dengan pihak muzium dalam memartabatkan lagi pembuatan seni telepuk.

- 9) Adakah terdapat anugerah khas kepada anda?

Azwarin: Ada, saya pernah mendapat Anugerah Khas oleh Yayasan Hasanah iaitu Anugerah Benang Emas Hasanah 2023 pada 16 September 2023.

- 10) Adakah terdapat Kerjasama anda dengan influncer luar negara dalam memartabatkan warisan?

Azwarin: Tiada, namun saya pernah ke Singapore untuk melalukan persembahan.

## BAHAGIAN C

- 1) Apakah cadangan yang dapat membantu influncer dalam menggunakan media bahru sebagai alat bagi memulihara warisan?

Azwarin: Bagi saya, influencer ni perlu ada kreativiti dia yang tersendiri dalam penghasilan konten sebab dari situ dia dapat Tarik pengikut dia untuk sama-sama dalam memastikan warisan ni dok hilang.

- 2) Adakah terdapat strategi yang khusus bagi influncer bagi mendapatkan galakan kesedaran atau minat terhadap warisan?

Azwarin: mcm yang saye kabu tadi.. setiap konten yang dihasilkan perlu menarik.. dari situ dia mampu menambat hati pengikut dengan konten2 yang bermanfaat. Pada masa yang sama dye boleh ajak pengikut dia sama2 memelihara warisan ni

- 3) Bagaimanakah influncer menggunakan media sosial untuk penglibatan pengikut secara langsung dalam usaha memulihara warisan?

Azwarin: Berdasarkan pengalaman, saya akan hasilkan konten2 yang jelas dan straight to the point. Supaya pengikut saya lebih faham apa yang saya ingin sampaikan.

- 4) Adakah influncer dapat memastikan content yang dihasilkan berkualiti dan tepat dalam mempromosikan warisan yang ditonjolkan?

Azwarin: Ya, konten yang bermanfaat dan kreatif pasti dapat Tarik minat orang ramai.

- 5) Adakah pihak negeri Terengganu memberikan pengiktirafan kepada anda? Jika ada nyatakan. Kalau tiada nyatakan pengiktirafan yang pernah anda dapat.



Azwarin: Tiada, setakat ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## LAMPIRAN C

### GAMBAR BERSAMA RESPONDEN DAN BUKTI TEMUBUAL







UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN